



PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

"BUKU INI MENGANDUNGI AYAT AL-QURAN. PELIHARALAH KESUCIANNYA"

"Buku Ini Diterbitkan Dengan Izin JAKIM"

PANDUAN PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

CETAKAN PERTAMA : 2015
CETAKAN KEDUA : 2018

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal,fotokopi, rakaman @ sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada penerbit.

Susunan:
Bahagian Fatwa
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
<http://mufti.penang.gov.my>

Diterbitkan oleh:
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Georgetown, Pulau Pinang.
Tel: 04-263 2975 Faks: 04-263 2985

NASKHAH PERCUMA

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

KANDUNGAN

MUKASURAT	TAJUK
01	PERKARA-PERKARA PERLU DILAKUKAN KEPADA ORANG YANG BARU MATI
05	PERKARA-PERKARA YANG SUNAT DILAKUKAN SEBELUM JENAZAH DIKEBUMIKAN
07	PERKARA-PERKARA YANG WAJIB DILAKSANAKAN
17	PERKARA-PERKARA YANG SUNAT
26	PANDUAN PENGURUSAN PUSARA ORANG ISLAM
31	LARANGAN BERKAITAN PENGEBUMIAN JENAZAH
32	PENENTUAN ARAH KIBLAT BAGI PUSARA ORANG ISLAM
32	SPESIFIKASI UKURAN LOT PUSARA ORANG ISLAM
33	ADAB TERHADAP PUSARA ORANG ISLAM
34	LARANGAN DI KAWASAN PUSARA
35	TANGGUNGJAWAB PENTADBIR PUSARA ORANG ISLAM
36	PEMBONGKARAN DAN PEMINDAHAN PUSARA ORANG ISLAM
37	FATWA-FATWA BERKAITAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM
40	TALQIN
54	GLOSARI
56	BIBLIOGRAFI
58	LAMPIRAN C
59	LAMPIRAN D
60	LAMPIRAN E
61	LAMPIRAN G

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

KATA-KATA ALUAN

SAHIBUS SAMAHAH MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT atas nikmat limpah kurnia serta taufik, hidayah dan inayah-Nya, maka dapatlah pihak Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang menyusun Panduan Penyelenggaraan Jenazah dan Pengurusan Pusara Orang Islam Menurut Syarak untuk rujukan dan bacaan umum masyarakat pelbagai peringkat di negeri ini. Buku yang diterbitkan ini adalah hasil adaptasi daripada buku terbitan JAKIM dan Jabatan Mufti Negeri Melaka.

Sesungguhnya kandungan buku garis panduan ini telah melalui proses penelitian dan perbincangan bersama dengan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang sumbangannya dan buah fikiran dalam penyediaan garis panduan ini. Ucapan syabas dan tahniah juga diucapkan kepada pihak Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang khususnya Bahagian Fatwa selaku urus setia dalam menghasilkan garis panduan ini.

Akhir kalam, saya berharap dan berdoa ke hadrat Allah SWT semoga garis panduan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan pengurusan pusara orang Islam yang dilaksanakan di negeri ini mematuhi prinsip dan peraturan yang ditetapkan oleh syariah. Mudah-mudahan usaha yang murni ini mendapat keredhaan Allah SWT dan dikira sebagai amal ibadah kepada-Nya juga, insya-Allah.

Sekian, wassalam.

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

PENDAHULUAN

Tiada pertemuan yang tidak diakhiri oleh perpisahan dan tiada pula yang hidup yang tak disudahi oleh mati. Demikianlah halnya setiap manusia akan merasa gembira dan bahagia pada masa bertemu dengan orang yang dikasih dan pada saat bayi yang ditunggu lahir ke dunia ini. Sebaliknya, mereka akan merasa sedih dan dukacita ketika berpisah dengan orang yang dikasih dan di saat mati orang yang disayangi. Tetapi hal ini terpaksa dihadapi dan tidak dapat dielakkan. Setiap manusia tidak boleh lari dari mati sekalipun mereka berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh. Firman Allah Taala dalam Surah An-Nisaa' ayat 78 :-

أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكُكُمُ الْمَوْتُ وَلَا كُنُّمْ فِي بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ ...

Ertinya : *Di mana juu kamu berada, maut (mati) akan menemui kamu (bila sampai ajal) sekalipun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh....*

Firman Allah Taala ini telah menjadi satu ketetapan dan ketentuan, bahawa setiap pertemuan akan diakhiri oleh perpisahan dan setiap yang bernyawa disudahi oleh mati. Firman Allah dalam Surah Ali-Imran ayat 185 :-

كُلُّ نَفْسٍ ذَآيَةٌ الْمَوْتُ وَإِنَّمَا تُؤْتَوْنَ أَجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ...

Ertinya : *Tiap-tiap yang bernyawa itu akan merasai mati dan bahwasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu....*

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

PERKARA-PERKARA PERLU DILAKUKAN KEPADA ORANG YANG BARU MATI

Bila seseorang Islam telah meninggal dunia, maka bagi orang yang hidup hendaklah melakukan perkara-perkara seperti yang berikut:-

1. Hendaklah dipejamkan (ditutupkan) matanya dan menyebut kebaikan serta mendoakan dan meminta keampunan kepada Allah Taala di atas dosanya. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Syaddad Bin Aus.

إِذَا حَضَرْتُمْ مَوْتَاهُمْ، فَاغْفِضُوا الْبَصَرَ، فَإِنَّ الْبَصَرَ يَتَبَعُ الرُّوحَ. وَقُولُوا حَيْرًا فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ يُؤْمِنُ عَلَىٰ مَا يَقُولُ أَهْلُ الْبَيْتِ
(رواه أَحْمَدُ وَابْنُ مَاجَهِ)

Ertinya : Bila kamu menghadapi orang mati, maka hendaklah kamu pejamkan (tutupkan) matanya, kerana sesungguhnya mata itu mengikut roh. Dan hendaklah kamu mengucapkan kata-kata yang baik (mendoakannya) maka sesungguhnya malaikat akan mengaminkan apa yang diucapkan oleh ahli (keluarga) jenazah.(Riwayat Imam Ahmad dan Ibn Majah).

Dalam hadith yang lain yang diriwayatkan daripada Umi Salamat, Rasulullah SAW bersabda:-

لَا تَدْعُوا عَلَىٰ أَفْسِسِكُمْ إِلَّا بِخَيْرٍ، فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ يُؤْمِنُونَ عَلَىٰ مَا تَقُولُونَ ...
(رواه مُسْلِمٌ)

Ertinya : Jangan kamu berdoa ke atas dirimu kecuali doa kebaikan, sesungguhnya Malaikat mengaminkan apa yang kamu doakan. (Riwayat Muslim).

2. Hendaklah ditutup seluruh badannya dengan kain sebagai penghormatan terhadapnya supaya tidak terbuka auratnya. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Aishah RA :-

عَنْ عَائِشَةَ اُمُّ الْمُؤْمِنِينَ قَالَتْ : سُبْحَانَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ مَاتَ بِثُوبٍ حِرَةٍ
(رواه مُسْلِمٌ)

Ertinya: Dari Aishah Umul Mukminin RA, katanya: "Jenazah Rasulullah SAW ketika Baginda wafat, ditutup dengan helai kain tenunan negeri Yaman". (Riwayat Muslim).

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

3. Ahli keluarga jenazah yang mampu, hendaklah dengan segera membayar hutang jenazah itu jika ia berhutang sama ada dibayar dari harta peninggalan jenazah atau dari pertolongan keluarga itu sendiri. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA :-

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعْلَقَةٌ بِدِينِهِ حَتَّىٰ يُقضَىَ عَنْهُ

(رَوَاهُ أَحْمَدُ التَّرمِذِيُّ)

Ertinya : Roh orang mukmin itu, tergantung (tak sampai kehadrat Allah) kerana hutangnya hingga dibayar dahulu hutangnya itu (oleh keluarganya). (Riwayat Imam Ahmad dan Tirmidzi).

Sekiranya kaum keluarga jenazah itu, tidak mampu membayar hutang jenazah tadi maka terserahlah kepada Allah Taala yang Maha Pemurah dan Maha Pengampun mengikut tujuan dan maksud semasa orang itu berhutang. Sabda Rasulullah SAW dalam hadithnya yang diriwayatkan dari Ibnu Umar RA :-

أَلَدَّيْنِ دَيْنَانِ فَمَنْ مَاتَ وَهُوَ يَئُونِي قَصَاءُهُ فَلَأَنَا وَلِيُّهُ وَمَنْ مَاتَ وَلَا يَئُونِي قَصَاءُهُ فَلَالَّكَ

الَّذِي يُؤْخَذُ مِنْ حَسَنَاتِهِ لَيْسَ يَوْمَئِذٍ دِيْنَارٌ وَلَا ذِرْهَمٌ

(رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ)

Ertinya : Hutang itu ada dua jenis. Sesiapa yang mati meninggalkan hutang, sedangkan ia berniat untuk membayarnya, maka akulah yang akan menjadi walinya (melindunginya), dan sesiapa yang mati, sedangkan ia tidak berniat untuk membayarnya, maka pembayarannya akan diambilkan dari amal kebajikannya, kerana di waktu itu tidak ada emas dan perak untuk membayarnya. (Riwayat al-Tabrani).

Mencium

Menurut tabiat semulajadi manusia di saat kematian timbul perasaan sedih dan dukacita di atas kehilangan orang yang dikasihi dan yang disayangi.

Oleh itu di mana sahaja berlaku kematian selalu kita lihat mereka mencium jenazah untuk melepaskan kasih sayang yang terakhir.

Perbuatan seperti ini tidak menjaskankan kesucian agama Islam, dan tidak pula bercanggah dengan hukum Syarak. Menurut hadith yang diriwayatkan dari 'Aishah RA bahawa Rasulullah SAW telah mencium jenazah sahabatnya Osman bin Maz'un. Hadithnya:-

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْلَ عُثْمَانَ بْنِ مَطْعُونَ وَهُوَ مَيِّتٌ وَهُوَ يَئِكِي أَوْ
قَالَ عَيْنَاهُ تَدْرِيقَانِ

(رواه الترمذى)

Ertinya : Diriwayatkan daripada 'Aishah: Rasulullah SAW telah mencium jenazah sahabatnya Osman bin Ma'zuan di mana air mata Baginda kelihatan mengalir di mukanya atau air matanya mengalir di pipinya (membasahi pipinya). (Riwayat Tirmidzi).

Dalam hadith yang lain 'Aishah RA telah menjelaskan:-

أَنَّ أَبَا بَكْرِ قَبْلَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ مَيِّتٌ
(رواه مسلم)

Ertinya : Bahawa sesungguhnya Saidina Abu Bakar telah mencium jenazah Nabi SAW selepas wafatnya. (Riwayat Muslim).

Berdasarkan kepada dua hadith tersebut, jelas bahawa hukum mencium jenazah itu tidaklah haram dan tidak pula makruh tetapi hukumnya adalah harus.

Menangisi Jenazah

Telah menjadi tabiat semulajadi setiap manusia akan merasa gembira dan berbahagia di saat pertemuan dengan orang yang dicintai dan yang menjadi idaman hatinya. Sebaliknya manusia itu akan merasa sedih dan dukacita di saat perpisahan dengan mereka.

Gelak ketawa semasa menyambut kelahiran seorang bayi dan semasa bersanding di atas pelamin, pada satu ketika semasa jenazah terburjur di hadapan pasti akan bertukar dengan tangisan. Perkara seperti ini adalah lumrah dan bukan suatu peristiwa ganjil atau luar biasa.

Oleh itu apabila ada orang yang menangis di saat kematian adalah wajar dan tidak semestinya dilarang. Rasulullah SAW sendiri pernah menangis semasa isterinya Khadijah Binti Khuwailid yang dicintainya kembali ke rahmatullah di mana tahun itu dinamakan oleh Baginda "عام الحزن" (tahun dukacita).

Begitu juga semasa anak Baginda Ibrahim meninggal dunia, hati Baginda merasa sangat sedih dan dukacita sehingga air mata Baginda mengalir membasahi pipinya. Sabda Rasulullah SAW:

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

إِنَّ الْعَيْنَ تَدْمُعُ، وَالْقَلْبُ يَخْرُنُ وَلَا يَقُولُ إِلَّا مَا يُرِضِي رَبُّنَا وَأَنَا لِفِرَاقِكَ يَا إِبْرَاهِيمَ لَمَحْزُونٌ لَّمَحْزُونٌ

(رواه الطبراني)

Ertinya : Air mata mengalir dan hati berduka cita. Dan tidak sesuatu yang akan kami sebutkan selain daripada yang disukai Allah. Sesungguhnya aku merasa dukacita dengan kepergian engkau Ya Ibrahim. (Riwayat Al-Tabrani).

Meratap

Meratap ialah menangis dengan berlebih-lebihan sehingga sampai menjerit-jerit, mengoyak-ngoyak pakaian dan menghempas-hempas badan serta menampar-nampar muka dan dada sambil menyebut-nyebut nama dan jasa orang yang mati.

Perbuatan ini adalah haram dan tidak boleh dilakukan kerana perbuatan ini adalah perbuatan orang-orang pada zaman Jahiliah. Sabda Rasulullah SAW dalam hadithnya yang sahih :-

لَيْسَ مِنَّا مَنْ ضَرَبَ الْخُدُودَ أَوْ شَقَّ الْجِيُوبَ أَوْ دَعَا بِدَعْوَةِ الْجَاهِلِيَّةِ

(رواه مسلم)

Ertinya : Tidak termasuk golongan kami orang yang menampar-nampar pipi, mengoyak-ngoyak baju dan berteriak-teriak seperti orang-orang jahiliah. (Riwayat Muslim).

Dalam hadith yang lain dengan tegas Rasulullah SAW bersabda :-

أَنَا بَرِيءٌ مِّنْهُ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَرِيءٌ مِّنَ الصَّالِقَةِ وَالْحَالِقَةِ وَالشَّاقَقَةِ

(رواه مسلم)

Ertinya : Dari Abu Musa RA katanya, "Saya berlepas diri orang yang Rasulullah berlepas diri daripadanya. Rasulullah SAW berlepas diri dari orang-orang yang berkabung dengan teriak-teriak, menarik rambut dari mengoyak-ngoyak baju. (Riwayat Muslim).

Meratapi jenazah dengan cara tersebut bukan sahaja haram dan berdosa tetapi juga akan menambahkan seksa jenazah yang di dalam kubur. Ini telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam hadithnya dari Umar Ibnul Khattab RA :-

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

الْمَيِّتُ يُعَذَّبُ فِي قَبْرِهِ بِمَا نَيَّحَ عَلَيْهِ

(رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

Ertinya : "Jenazah diseksa di dalam kuburnya dengan sebab ratapan ke atasnya." (Riwayat Muslim).

Dalam hadith yang lain yang diriwayatkan dari Umar Ibnu Khattab, Rasulullah SAW bersabda :-

الْمَيِّتُ يُعَذَّبُ بِنُكَاءِ أَهْلِهِ عَلَيْهِ

(رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

Ertinya : "Sesungguhnya jenazah diseksa dengan sebab ratapan keluarganya yang hidup ke atasnya". (Riwayat Muslim).

PERKARA-PERKARA YANG SUNAT DILAKUKAN SEBELUM JENAZAH DIKEBUMIKAN

Bila seseorang itu telah meninggal dunia, maka sunat bagi orang yang hadir di majlis itu, melakukan perkara-perkara yang seperti berikut kepada jenazah tersebut :-

1. Memejamkan kedua belah matanya sebagaimana yang dijelaskan dalam hadith yang lalu dengan membaca :-

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ

2. Mengikat dagunya ke kepalanya dengan kain yang agak lebar sedikit dan bersih supaya mulutnya tidak terenganga dan tidak dimasuki oleh binatang-binatang kecil dan lain-lainnya.
3. Hendaklah diletakkan jenazah tadi di tempat yang tinggi sedikit seperti katil dan sebagainya di mana kakinya dilunjurkan ke arah kiblat dan kepalanya mestilah tinggi sedikit dari kakinya dengan diletakkan sesuatu alas di bawah kepalanya seperti bantal dan sebagainya.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

4. Semua pakaianya hendaklah ditanggalkan dan ditutup seluruh badannya dari kaki hingga habis kepalanya dengan kain yang tidak begitu tebal serta dilipatkan tepi kain sebelah atas ke bawah kepalanya dan tepi kain sebelah bawah dilipatkan ke bawah hujung kakinya.
5. Kedua-dua belah tangan jenazah itu hendaklah di atas dadanya tangan kanannya diletakkan di atas tangan kirinya seperti keadaan letak tangan semasa sembahyang dan sebaik-baiknya tangannya itu diikat dengan kain supaya tidak terbuka dan tidak terkulai ke bawah. Sebelum itu hendaklah dilipatkan kedua-dua belah lengannya ke bahu dan kakinya ke paha dengan perlahan-lahan beberapa kali supaya lembut sendi-sendinya dan mudah memandikannya.
6. Hendaklah diletakkan di atas perutnya sesuatu benda yang agak berat sedikit seperti besi dan sebagainya untuk menjaga perutnya supaya tidak membesar dan tidak buncit tetapi janganlah diletakkan di atasnya Quran atau hadith.

Menyelenggarakan Jenazah

Seseorang yang telah nyata meninggal dunia, hendaklah diselenggarakan jenazahnya secepat yang mungkin. Jangan dilambat-lambatkan dan ditangguh-tangguhkan.

Sabda Rasulullah SAW dalam hadithnya yang sahih :

أَسْرِعُوا بِالْجَنَازَةِ، فَإِنْ كَانَتْ صَالِحَةً قُرْبِنُوهَا إِلَى الْخَيْرِ، وَإِنْ كَانَتْ عَيْرَ ذَلِكَ فَشُرُّ تَصَعُّونَهُ
عَنْ رِقَابِكُمْ
(رواه مسلم)

Ertinya: "Segerakanlah menyelenggarakan jenazah jika ia orang baik, maka kamu dekatkan dia kepada kebijakan, jika jenazah yang tidak baik, bererti kamu mendapat atau menanggung dosanya. (Riwayat Muslim).

Dalam satu hadith yang sahih Rasulullah SAW telah mengingatkan kepada Saidina Ali bin Abi Talib, sabdanya :-

عَنْ عَلَيِّ إِنَّ أَيِّ طَالِبٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهُ : يَا عَلَيَّ
ثَلَاثٌ لَا تُؤْخِرُهَا الصَّلَاةُ إِذَا أَتَتْ وَالْجَنَازَةُ إِذَا حَضَرَتْ وَالْأَيْمَ وَجَدَتْ كُفُوًا
(رواه الترمذى)

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Ertinya : Ertinya: Daripada Ali bin Abi Talib, Sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda padanya: Wahai Ali! Tiga perkara yang jangan dilambatkan. Pertama, sembahyang bila waktunya telah masuk. Kedua, penyelenggaraan jenazah bila ia telah ada dan ketiga, janda yang sudah ada orang yang sekufu meminangnya. (Riwayat Tirmidzi).

Kedua-dua hadith tersebut menerangkan bahawa setiap orang Islam yang telah nyata meninggal dunia hendaklah diselenggarakan dengan seberapa segera.

Jika seseorang itu mati pada waktu malam, hendaklah dikebumikan pada waktu siangnya sebelum masuk waktu Zuhur atau selepas Zuhur. Dan jika seseorang mati pada waktu pagi, hendaklah dikebumikan sebelum masuk malam hari.

Tetapi jika seseorang mati pada waktu petang, bolehlah diselenggarakan jenazah itu pada keesokan harinya, jangan ditanam pada waktu malam. Sabda Rasulullah SAW :-

لَا تَدْفِنُوا مَوْتَاهُ إِلَّا أَنْ تَضْطَرُوا
(رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهْ)

Ertinya : Jangan kamu kebumikan jenazah itu di waktu malam, kecuali jika terpaksa. (Riwayat Ibn Majah).

PERKARA-PERKARA YANG WAJIB DILAKSANAKAN

Apabila seseorang Islam meninggal dunia maka fardu kifayah kepada orang yang hidup melaksanakan perkara-perkara seperti yang berikut :-

1. Memandikan.
2. Mengkafarkan.
3. Menyembahyangkan dan
4. Mengkebumikan.

Keempat-empat perkara tersebut, wajib dilaksanakan dengan sempurna dan segera kecuali orang yang mati syahid, maka hanya wajib dikafarkan dan dikebumikan dan haram dimandi dan disembahyangkan.

Memandikan

Sekurang-kurang mandi jenazah ialah dengan meratakan air ke seluruh tubuh badan jenazah sesudah dibersihkan najis yang ada pada badannya sehingga kepada faraj (kemaluan perempuan) yang terbuka di waktu duduk mencangkung dan ke bawah kulub zakar (kemaluan lelaki) jika zakar itu boleh dibukakan.

Jika zakar itu tidak boleh dibukakan dan air tidak sampai ke bawah kulub zakarnya maka menurut pendapat Ulama' Mutakaddimin dari Mahzab Shafie, memadailah dengan memandikannya sahaja dan sembahyangkan tanpa ditayatumkan.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Tetapi menurut pendapat Syeikh Ibnu Hajar wajib menyampaikan air ke bawah kulub lelaki yang belum berkhitan dan hendaklah dibuka dan dibasuh najis-najis yang ada di bawah kulubnya tadi. Sekiranya payah untuk membuka kulubnya, maka hendaklah ditayatumkan sebagai ganti membasuh di bawah kulubnya itu.

Cara Memandikan

Cara memandikan jenazah dengan sempurna adalah sebagaimana di bawah :

1. Hendaklah dimandikan di tempat yang tertutup seperti bilik dan sebagainya. Pada masa memandikan jenazah tadi, jangan dibenarkan sesiapa pun masuk ke tempat itu kecuali orang yang memandikan sahaja pembantu-pembantunya dan ahli waris yang hampir seperti ibu bapa, suami atau isteri, dan anak-anaknya.
2. Pakaian jenazah itu hendaklah ditanggalkan dan diganti dengan kain basahan mandi, sebaik-baiknya dengan kain sarung, supaya tidak terdedah auratnya dan jangan ditelanjangi jenazah tadi ketika memandikannya.
3. Hendaklah dibaringkan jenazah itu di atas kepingan papan yang lebar yang letaknya agak tinggi seperti meja, bangku panjang dan sebagainya supaya tidak terkena percikan air yang jatuh.
4. Air yang digunakan untuk memandikan jenazah itu ialah air masin atau air tawar sejuk supaya menahan daripada segera busuk. Tetapi jika air tadi terlalu sejuk bolehlah dicampurkan dengan sedikit air panas.
5. Sebelum atau setelah jenazah itu dimandikan, hendaklah jenazah tadi diwudukkan. Lafaz niatnya :

تَوَيِّثُ الْوُضُوءَ الْمَسْتَوْنَ لِهَذَا الْمَيِّتِ اللَّهُ تَعَالَى

Ertinya : Sahaja aku mengambilkan wuduk bagi jenazah ini sunat kerana Allah Taala.

Sungguhpun hukum mengambil wuduk jenazah itu sunat, tetapi niat mengambil wuduknya itu adalah wajib. Dan niat memandikan adalah sunat sahaja sekalipun mandi itu wajib.

Lafaz niat mandinya :

تَوَيِّثُ الْغُسْلَ الْوَاجِبَ لِهَذَا الْمَيِّتِ اللَّهُ تَعَالَى

Ertinya : Sahaja aku mandikan bagi jenazah ini wajib kerana Allah Taala

6. Setelah jenazah itu diwudukkan hendaklah orang yang memandikan jenazah itu, mengangkat jenazah tersebut, disandarkan kepada lutut dan diletakkan tangan kanan ke atas belikat jenazah dan ibu jari tangan kanan diletakkan bertentangan lubang tengok jenazah supaya kepala jenazah itu tidak mendongak. Tangan kiri hendaklah mengurut perut jenazah dan menekannya, diulang-ulang beberapa kali supaya keluar najis-najis yang ada di dalam perut jenazah tadi. Semua perbuatan tersebut hendaklah dilakukan dengan perlahan-lahan dan lemah.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

7. Selepas perkara tersebut di atas dilakukan dengan sempurna maka jenazah tadi dibaringkan dengan telentang. Sesudah itu hendaklah dibasuh kemaluannya dan duburnya dengan tangan kiri yang telah dibalut dengan kain yang bersih sehingga kemaluan dan duburnya bersih dan kain pembalut tangan tadi hendaklah ditukar supaya najis yang melekat di kain itu tidak melekat kembali di kemaluan dan dubur jenazah tadi.
8. Setelah kemaluan dan dubur jenazah itu dibasuh hendaklah pula dibasuh dan dibersihkan giginya, matanya, lubang hidungnya dan kedua belah telinganya dengan kain yang bersih dan hendaklah juga dibersihkan kekotoran di bawah kukunya dengan sesuatu benda seperti lidi, mancis dan sebagainya.
9. Hendaklah dibasuh kepala dan janggut jenazah itu (jika ada) dan disisirkan rambutnya dengan sikat yang jarang, supaya rambutnya tidak gugur. Sekiranya didapati ada rambut jenazah itu gugur sebelum dimandikan atau ketika memandikan atau pada masa menyisirnya, maka hendaklah dimasukkan ke dalam kafannya atau ke dalam kuburnya kerana rambut jenazah itu adalah wajib ditanam bersamanya.

Cara-Cara Menyiram Jenazah

Sebelum jenazah itu disiram dengan air, hendaklah jenazah tadi ditutup semua badannya dengan kain yang nipis selama masa memandikannya supaya tidak kelihatan auratnya. Kemudian barulah dilakukan perkara-perkara seperti yang berikut:

1. Hendaklah dimulakan dengan menyiram bahagian hadapan sebelah kanan yang dimulai dari tengkok hingga ke hujung jari kaki. Selepas itu disiram bahagian hadapan sebelah kiri sebagaimana yang dilakukan pada bahagian kanan.
2. Miringkan badan jenazah itu ke sebelah kiri dan disiram pula bahagian kanan, kemudian disiram pula ke bahagian kirinya. Semasa menyiram badan jenazah tadi hendaklah digosok dengan sabun atau air bidara. Sabda Rasulullah SAW dalam hadithnya yang diriwayatkan dari Ibnu Abbas RA bahwasanya Baginda berkata pada orang yang mati terjatuh dari kenderaannya :-

إغسلوه بماء وسدر

(رَوَاهُ الْبَخْرَى وَمُسْلِمٌ)

Ertinya : "Mandikanlah dia dengan air serta daun bidara". (Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. Kemudian dijiruskan pula dengan air yang bercampur sedikit kapur barus sekadar tidak mengubahkan air itu. Jirusan ini hendaklah dilakukan dari kepala hingga sampai ke kaki dan mestilah diratakan ke seluruh badan jenazah itu. Perbuatan seperti ini adalah dikira sekali mandi. Demikian hendaknya diperbuat tiga kali berturut-turut.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Sabda Rasulullah SAW :-

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ دَخَلَ عَلَيْنَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَنَحْنُ نَغْسِلُ إِنْتَهَى فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِغَسْلِنَا ثَلَاثًا أَوْ خَمْسًا أَوْ أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ إِنْ رَأَيْنَا ذَلِكَ بِمَا يَعْلَمُ وَسِدِّرْ وَاجْعَلْ فِي الْآخِيرَةِ كَافُورًا (زَوَاهُ مُسْلِمٌ)

Ertinya: "Diriwayatkan dari Ummi Atiyyah". Nabi SAW masuk ke tempat kami memandikan anak perempuannya, lalu bersabda:- Mandikanlah dia tiga kali atau lima kali atau lebih, jika kamu berpendapat baik lebih dari itu dengan air serta daun bidara. Dan basuhlah yang penghabisan dicampur dengan kapur barus". (Riwayat Muslim).

Dalam riwayat yang lain Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :-

"Mulailah oleh kamu dengan bahagian sebelah kanan dan anggota wuduknya. Jika keluar najis selepas dari mandinya dan sebelum disembahyangkan maka wajib dibersihkan najis itu sahaja tanpa dimandikan kembali".

Setelah selesai jenazah itu dimandikan, hendaklah dilap badannya dengan kain yang lembut seperti tuala dan sebagainya sehingga kering supaya kain kafannya tidak basah dan hendaklah pula mendoakan jenazah itu dengan doa :

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي وَإِيَّاهُ مِنَ التَّوَّابِينَ

Ertinya : "Ya Allah, Jadikanlah aku dan dia daripada orang yang bertaubat."

Mereka Yang Berhak Memandikan Jenazah

1. Jika jenazah itu lelaki, hendaklah orang yang memandikannya itu lelaki juga. Tidak boleh jenazah lelaki dimandikan oleh orang perempuan kecuali isteri dan mahramnya. Sebaliknya jika jenazah itu perempuan hendaklah dimandikan oleh orang perempuan juga. Tidak boleh jenazah perempuan dimandikan oleh lelaki kecuali suami atau mahramnya.

Sekiranya isteri dan mahram jenazah itu ada bersama-sama, maka isterinya lebih berhak memandikan jenazah suaminya. Jika suami dan mahram jenazah itu ada bersama-sama juga, maka suaminya pula yang lebih berhak memandikan jenazah isterinya.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

2. Bila seseorang perempuan meninggal dunia dan di tempatnya tidak ada perempuan, suami atau mahramnya juga tidak ada, maka jenazah itu hendaklah ditayatumkan sahaja, tidak boleh dimandikan oleh orang lelaki yang lain. Perkara seperti ini mungkin tidak berlaku dan tidak terjadi pada zaman kita sekarang.

Begitu juga jika seseorang lelaki meninggal dunia dan di tempatnya tidak ada lelaki, isteri atau mahramnya pun tidak ada juga, maka jenazah itu hendaklah ditayatumkan sahaja, tidak boleh dimandikan oleh orang perempuan yang lain. Masalah ini juga tidak wujud pada hari ini. Akan tetapi jika jenazah itu kanak-kanak lelaki bolehlah dimandikan oleh orang perempuan. Begitu juga jika jenazah itu kanak-kanak perempuan, bolehlah dimandikan oleh orang lelaki.

3. Jika didapati beberapa orang yang berhak memandikan jenazah itu, maka orang yang lebih berhak lagi ialah keluarga yang hampir kepada jenazah tersebut di mana ianya mengetahui kewajipan mandi serta dipercayai.

Tetapi jika tidak didapati, berpindahlah hak memandikan jenazah itu kepada orang yang lebih jauh berpengetahuan serta boleh dipercayai.

Mengkafankan

Setelah jenazah itu selesai dimandikan dengan sempurna, maka wajib pula dikafankan. Kafan itu hendaklah diambil dari harta jenazah sendiri, jika jenazah tadi ada meninggalkan harta. Tetapi kalau ia tidak ada meninggalkan harta, maka kafannya wajib diambil dari harta mereka yang wajib memberi nafkahnya pada masa ia hidup. Kalau orang yang memberi nafkahnya itu juga, tidak mempunyai harta, maka hendaklah diambil dari kumpulan harta atau wang 'Baitulmal'. Jika Baitulmal tiada atau tidak mempunyai harta atau wang, maka wajib atas orang Islam yang mampu mengeluarkan perbelanjaan kafan tersebut. Begitu juga perbelanjaan-perbelanjaan yang lain yang bersangkutan dengan penyelenggaraan jenazah.

Kain Kafan

Sekurang-kurang kain kafan ialah selapis kain yang menutupi seluruh badan jenazah sama ada lelaki atau perempuan.

Sebaik-baiknya (afdal) bagi jenazah lelaki sama ada sudah dewasa atau masih kanak-kanak ialah tiga lapis kain putih. Tiap-tiap lapis daripadanya hendaklah menutupi seluruh badan jenazah itu. Sebahagian ulama berpendapat bahawa satu dari tiga lapis itu hendak izar (kain lepas) dan dua lapis menutupi sekalian badannya. Harus pula ditambah lagi dengan sehelai baju dan serban di mana tambahan ini adalah disyaratkan bahawa waris jenazah itu telah sempurna akal (tiada yang kecil atau gila) dan waris-waris itu redha dan bersetuju di atas tambahan tersebut.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

كَفَيْنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ثَلَاثَةِ أَنْوَابٍ بِيِضِّ سُحُولِيَّةٍ مِّنْ كُرْسِيفٍ لَّيْسَ فِيهَا قِيمَيْصٌ وَلَا عَمَامَةٌ

(رَوَاهُ مُسْلِمٌ)

Ertinya : "Rasulullah SAW dikafani dengan tiga lapis kain putih bersih, yang terbuat dari kapas, tidak ada di dalamnya baju dan tidak ada pula serban." (Riwayat Muslim)

Kafan Jenazah Perempuan

Jenazah perempuan itu sebaik-baiknya (afdal) hendaklah dikafankan dengan lima lapis kain, dua lapis daripadanya ialah kain kafan, satu lapis kain yang menutupi antara pusat dan lutut, satu lapis baju, dan satu lapis telekung.

Kain Yang Digunakan

Kain yang digunakan untuk kafan jenazah itu adalah sunat dari kain yang berwarna putih. Sabda Rasulullah SAW :-

إِلْبَسُوا مِنْ ثِيَابِكُمُ الْبَيَاضَ فَإِنَّهَا خَيْرٌ ثِيَابٍ وَكَتَنُوا فِيهَا مَوْتَأْكُمْ
(رَوَاهُ أَبُو دَاؤْدُ)

Ertinya : Pakailah olehmu kain yang putih kerana sesungguhnya kain putih itu kain yang sebaik-baiknya dan kafankanlah jenazah kamu dengan kain itu. (Riwayat Abu Daud)

Cara-Cara Mengkafankan

Cara-cara mengkafankan jenazah adalah sebagaimana yang berikut :-

1. Dihamparkan selapis-selapis dan ditaburkan di atas tiap-tiap lapis benda-benda yang berbau harum, seperti kapur barus yang sudah dihaluskan, kayu cendana, minyak kasturi dan sebagainya, dan diletakkan di bawah lapisan pertama lima tali atau tiga tali untuk pengikatnya.
2. Setelah perkara-perkara di atas dilaksanakan, barulah jenazah tadi diletakkan di atas kafan itu dengan telentang dan kedua tangannya diletakkan di atas dadanya di mana tangan kanannya di atas tangan kiri seperti keadaan dalam sembahyang atau kedua tangannya diluruskan menurut lambungnya (rusuk).
3. Hendaklah dimulakan membungkus jenazah dengan kafannya dari sebelah kiri dan kafan yang sebelah kanan ditindihkan ke sebelah kiri, selepas itu barulah diikat dengan lima ikatan atau tiga ikatan.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Menyembahyangkan

Setelah selesai jenazah itu dimandikan dan dikafarkan maka wajib pula disembahyangkan.

Sabda Rasulullah SAW :-

صَلُّوْا عَلَى مَوْتَاهُمْ

(رَوَاهُ إِبْنُ مَاجْهٍ)

Ertinya: "Sembahyangkanlah oleh kamu akan orang-orang yang mati dari kalangan kamu." (Riwayat Ibn Majah).

Dalam hadith yang lain yang diriwayatkan dari Salamah bin Al-Akwa', katanya :-

كُنَّا جُلُوسًا عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ أُتِيَ بِجَنَازَةٍ قَالَ صَلُّوْا عَلَى صَاحِبِكُمْ

(رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ)

Ertinya: "Pada satu ketika kami sedang duduk dekat Nabi SAW ketika dibawa seorang jenazah, Baginda bersabda: Sembahyangkanlah sahabat kamu itu."(Riwayat Bukhari).

Syarat-Syarat Sembahyang Jenazah

1. Syarat-syarat sembahyang jenazah serupa juga dengan syarat-syarat sembahyang yang lain seperti menutupi aurat, bersih badan dan pakaian daripada najis dan menghadap kiblat.
2. Jenazah itu telah dimandikan dan dikafarkan.
3. Jenazah itu hendaklah diletakkan di hadapan orang yang menyembahyangkannya (di sebelah kiblat) kecuali sembahyang ghaib.

Rukun Sembahyang Jenazah

Rukun sembahyang jenazah itu ada 7 perkara:

1. Niat.
Setiap orang yang ikut bersama menyembahyangkan jenazah, wajib berniat di dalam hatinya di permulaan takbir, bahawa ia melakukan sembahyang jenazah kerana Allah.
2. Berdiri lurus.
Sembahyang jenazah hendaklah dilakukan dengan berdiri lurus tanpa rukuk, sujud dan sebagainya. Walau bagaimanapun, seseorang yang tidak mampu berdiri, bolehlah sembahyang sambil duduk, berbaring dan sebagainya.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

3. Takbir 4 kali.

Takbir sembahyang jenazah sebanyak 4 kali adalah termasuk takbiratul ihram (takbir yang beserta dengan niat).

4. Membaca Fatihah.

Membaca fatihah hendaklah dilakukan selepas takbiratul ihram, dan tidak disunatkan membaca doa iftitah. Sabda Rasulullah SAW :-

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِقَاتِحَةِ الْكِتَابِ
(رَوَاهُ التَّرمِذِيُّ)

Ertinya : Tidak sah sembahyang orang yang tidak membaca surah Al- Fatihah. (Riwayat Tirmizi).

5. Membaca selawat ke atas Nabi SAW selepas takbir yang kedua.

Selawat itu adalah yang pendek dan ada pula yang panjang.

Selawat yang pendek ialah :-

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Selawat yang panjang dan sempurna dan yang lebih afdal ialah :-

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ . وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

6. Mendoakan jenazah.

Mendoakan jenazah ini dilakukan selepas takbir yang ketiga.

Doa yang pendek jika jenazah itu lelaki ialah :-

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَاغْفِرْ وَاعْفْ عَنْهُ

Doa yang panjang dan sempurna serta afdal ialah :

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَاغْفِرْ وَاعْفْ عَنْهُ وَأَكْرِمْ رُثْرَاهُ وَوَبِعْ مَدْخَلَهُ وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالثَّلْجِ وَالْبَرْدِ
وَنَفِّهُ مِنَ الْحَطَابِيَا كَمَا يُنْقِي التَّوْبُ الْأَئِيْصُ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهُ دَارًا حَيْرًا مِنْ ذَارَهُ وَأَهْلًا حَيْرًا
مِنْ أَهْلِهِ، وَرَوْجًا حَيْرًا مِنْ رَوْجِهِ، وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَأَعْذِهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَفِتْنَتِهِ وَمِنْ
عَذَابِ التَّارِ

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Jika jenazah itu kanak-kanak lelaki, hendaklah ditambah doa tersebut di atas dengan doa yang di bawah sekurang-kurangnya ialah :-

اللَّهُمَّ اجْعِلْهُ لَنَا سَلَفًا وَقَرْطًا وَأَجْرًا

Doa yang sempurna dan afdal ialah :-

اللَّهُمَّ اجْعِلْهُ فَرْطًا لِأَبْوَيْهِ وَسَلَفًا وَذُخْرًا وَعَظَةً وَاعْتِيَارًا وَشَفِيعًا وَنِقلٌ بِهِ مَوَازِينَهُمَا وَافْغِرْ الصَّبْرُ
عَلَى قُلُوبِهِمَا وَلَا تُنْقِنْهُمَا بَعْدَهُ وَلَا تُحَرِّمُهُمَا أَجْرَهَا

Jika jenazah itu kanak-kanak perempuan, hendaklah ditambah doa tersebut di atas dengan doa di bawah sekurang-kurangnya ialah :-

اللَّهُمَّ اجْعِلْهَا لَنَا سَلَفًا وَقَرْطًا وَأَجْرًا

Doa yang panjang dan sempurna serta afdal bagi jenazah kanak-kanak perempuan ialah :-

اللَّهُمَّ اجْعِلْهَا فَرْطًا لِأَبْوَيْهَا وَسَلَفًا وَذُخْرًا وَعَظَةً وَاعْتِيَارًا وَشَفِيعًا وَنِقلٌ بِهَا وَازِينَهُمَا وَافْغِرْ الصَّبْرُ
عَلَى قُلُوبِهِمَا وَلَا تُنْقِنْهُمَا بَعْدَهَا وَلَا تُحَرِّمُهُمَا أَجْرَهَا

Jika jenazah itu perempuan doa yang pendek selepas takbir yang ketiga ialah :

اللَّهُمَّ اغْفِرْلَهَا وَازْحِمْهَا وَاغْفِلْهَا وَاعْفُ عَنْهَا

Doa yang panjang dan sempurna serta yang afdal bagi jenazah perempuan itu ialah :-

اللَّهُمَّ اغْفِرْلَهَا وَازْحِمْهَا وَاعْفُ عَنْهَا، وَأَكْرِمْ زَرْلَهَا وَوَسِعْ مَدْخَلَهَا وَاغْسِلْهَا بِالْمَاءِ وَالثَّاجِ وَالْبَرِدِ،
وَنَهِيَّهَا مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنْهَى النَّوْبُ الْأَيْضُ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَيْدِلْهَا دَارًا حَيْرًا مِنْ دَارِهَا وَأَهْلًا حَيْرًا
مِنْ أَهْلِهَا، وَرَوْجًا حَيْرًا مِنْ رَوْجِهَا وَأَدْخِلْهَا الْجَنَّةَ وَأَعِذْهَا مِنْ عَذَابِ الْقُبْرِ وَفَتَنَتِهِ وَمِنْ
عَذَابِ النَّارِ

Selepas membaca doa ditakbir yang ketiga, hendaklah diiringi dengan takbir yang keempat pula dan membaca doa. Jika jenazah itu lelaki sekurang-kurangnya ialah :-

اللَّهُمَّ لَا تُحَرِّمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تُنْقِنْنَا بَعْدَهُ وَاغْفِرْنَا وَلَهُ

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Doa yang sempurna dan afdal ialah :-

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تُفْتَنْنَا بَعْدَهُ وَاعْفُرْنَا وَلَهُ وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا
بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غَلَّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Jika jenazah itu perempuan, doa yang pendek selepas takbir yang keempat ialah :-

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهَا وَلَا تُفْتَنْنَا بَعْدَهَا وَاعْفُرْنَا وَلَهَا

Doa yang panjang dan sempurna serta afdal bagi jenazah perempuan ialah :-

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهَا وَلَا تُفْتَنْنَا بَعْدَهَا وَاعْفُرْنَا وَلَهَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا
بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غَلَّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

7. Memberi salam.

Memberi salam ini hendaklah dilakukan selepas takbir yang keempat dan selepas membaca doa tersebut.

Setelah selesai salam tadi, hendaklah membaca doa pula. Jika jenazah itu lelaki doanya ialah :-

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اجْعُلْ قَبْرَهَا رَوْضَةً مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبُّهُ وَأَنْتَ خَلَقْنَاهُ، وَأَنْتَ
هَدَيْنَاهُ إِلَيْسِلَامٍ. وَأَنْتَ قَبْضَتَ رُوحَهَا وَأَنْتَ أَعْلَمُ بِسِرِّهَا وَعَلَانِيَّتِهِ، وَقَدْ جِئْنَاكَ رَاغِبِينَ شُفَعَاءً
لَهَا فَاعْفُرْنَا وَلَهَا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Jika jenazah itu perempuan, doanya ialah :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اجْعُلْ قَبْرَهَا رَوْضَةً مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبُّهَا وَأَنْتَ خَلَقْنَاهَا، وَأَنْتَ
هَدَيْنَاهَا إِلَيْسِلَامٍ. وَأَنْتَ قَبْضَتَ رُوحَهَا وَأَنْتَ أَعْلَمُ بِسِرِّهَا وَعَلَانِيَّتِهِ، وَقَدْ جِئْنَاكَ رَاغِبِينَ شُفَعَاءً
لَهَا فَاعْفُرْنَا وَلَهَا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Jika jenazah itu kanak-kanak lelaki, doanya ialah :-

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشَرَفِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى الَّهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ。اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا فَرِطًا لِأَبْوَيْهِ وَسَلَفًا وَذُخْرًا وَعَظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا وَثَقَلْ بِهِ مَوَازِيهِمَا وَافْغِنْ الصَّبَرَ عَلَى قُلُوبِهِمَا وَلَا تُتَّقِنْهُمَا بَعْدَهُ وَلَا تَحْرِمْهُمَا أَجْرَهُ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمَا وَمَيِّنْهُمَا وَشَاهِدِنَا وَغَائِبِنَا وَضَغِيرِنَا وَكَبِيرِنَا وَذُكْرِنَا وَأَنْشَانَا。اللَّهُمَّ مَنْ مِنْ أَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَأَخْيِهِ عَلَى الإِسْلَامِ وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَى الْإِيمَانِ。اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْ مَنْ أَجْرَهُ وَلَا تُنْقِنْهُ بَعْدَهُ。وَصَلِّ اللَّهُ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Jika jenazah itu kanak-kanak perempuan, doanya ialah :-

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشَرَفِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى الَّهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ。اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا فَرِطًا لِأَبْوَيْهِ وَسَلَفًا وَذُخْرًا وَعَظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا وَثَقَلْ بِهَا مَوَازِيهِنَا وَافْغِنْ الصَّبَرَ عَلَى قُلُوبِهِنَا وَلَا تُتَّقِنْهُنَا بَعْدَهَا وَلَا تَحْرِمْهُنَا أَجْرَهَا。اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُنَا وَمَيِّنْهُنَا وَشَاهِدِنَا وَغَائِبِنَا وَضَغِيرِنَا وَكَبِيرِنَا وَذُكْرِنَا وَأَنْشَانَا。اللَّهُمَّ مَنْ مِنْ أَحْيَيْتَهُ مِنَّا فَأَخْيِهِ عَلَى الإِسْلَامِ وَمَنْ تَوَفَّيْتَهُ مِنَّا فَتَوَفَّهُ عَلَى الْإِيمَانِ。اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْ مَنْ أَجْرَهُ وَلَا تُنْقِنْهُ بَعْدَهَا。وَصَلِّ اللَّهُ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

PERKARA-PERKARA YANG SUNAT

Sunat menyembahyangkan jenazah sebagaimana yang berikut :-

1. Imam hendaklah berdiri bertentangan dengan kepala jenazah lelaki dan berdiri bertentangan dengan pinggang jenazah perempuan atau khunsa.
2. Kepala jenazah lelaki hendaklah diletakkan di sebelah kiri imam. Kepala jenazah perempuan dan khunsa diletakkan di sebelah kanan imam. Menurut kebiasaananya kepala jenazah lelaki itu juga diletakkan di sebelah kanan imam.
3. Hendaklah jenazah itu disembahyangkan di masjid.

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

4. Maknum hendaklah berdiri berbaris tiga barisan (tiga saf). Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Malik bin Hubairah :

عَنْ عَائِشَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَمُوتُ أَحَدٌ مِّنَ الْمُسْلِمِينَ فَيُصْلَى
عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِّنَ الْمُسْلِمِينَ يَئْلُغُونَ أَنْ يَكُونُوا مِائَةً فَيَسْقُفُونَهُ لَهُ إِلَّا شُقْعُونَ فِيهِ
(رواه الترمذی)

Ertinya: "Dari Aisyah RA dari Nabi SAW, sabdanya: Tidak seorang pun dari orang yang beriman yang mati lalu disembahyangkan oleh sekumpulan orang Islam, sampai sehingga seratus orang melainkan diampunkan oleh Allah dosanya". (Riwayat Tirmidzi).

5. Mengangkat kedua belah tangan waktu mengucapkan takbir-takbir yang empat dan meletakkan kedua tangan di atas pusat di bawah dada sebagaimana sembahyang-sebahyang yang lain. Sabda Rasulullah SAW:-

عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَرْفَعُ يَدَيْهِ فِي جَمِيعِ تَكْبِيرَاتِ الْجَنَازَةِ
(رواه البیهی)

Ertinya: Diriwayatkan dari Ibnu Umar sesungguhnya Nabi SAW mengangkat kedua tangannya pada semua takbir sembahyang jenazah.(Riwayat al-Baihaqi).

6. Membaca أَعُوذُ بِاللَّهِ (A'uzubillah) sebelum membaca fatihah.
7. Memperlahangkan (tidak nyaring) semua bacaan walaupun di waktu malam.

Lafaz Qamat Sembahyang Jenazah

Qamat sembahyang jenazah lelaki dewasa :

الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ، الصَّلَاةُ عَلَى الْمَيِّتِ الْخَاضِرِ، الصَّلَاةُ رَحْمَكُ اللَّهُ

Qamat sembahyang jenazah perempuan dewasa :-

الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ، الصَّلَاةُ عَلَى مَيْتَةِ الْخَاضِرَةِ، الصَّلَاةُ رَحْمَكُ اللَّهُ

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Qamat sembahyang jenazah kanak-kanak lelaki :-

الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ، الصَّلَاةُ عَلَى الْمَيِّتِ الطِّفْلُ الْحَاضِرُ، الصَّلَاةُ رَحْمَكُمُ اللَّهُ

Qamat sembahyang jenazah kanak-kanak perempuan :-

الصَّلَاةُ جَامِعَةٌ، الصَّلَاةُ عَلَى مَيِّتَةِ الطِّفْلَةِ الْحَاضِرَةِ، الصَّلَاةُ رَحْمَكُمُ اللَّهُ

Semua lafaz qamat ini hendaklah dijawab :-

الصَّلَاةُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Lafaz-lafaz Niat :-

1. Jika jenazah itu lelaki lafaz niatnya :-

أَصْلِي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ كِفَائِيَةً مَأْمُومًا (إِمَامًا) لِلَّهِ تَعَالَى

اللَّهُ أَكْبَرُ

2. Jika jenazah itu perempuan lafaz niatnya :-

أَصْلِي عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ كِفَائِيَةً مَأْمُومًا (إِمَامًا) لِلَّهِ تَعَالَى

اللَّهُ أَكْبَرُ

3. Lafaz niat yang umum bagi maknum sahaja sama ada jenazah itu lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau orang dewasa hadir atau ghaib :-

أَصْلِي عَلَى مَنْ صَلَى عَلَيْهِ الْإِمَامُ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

اللَّهُ أَكْبَرُ

Menghantar Jenazah

Setelah jenazah itu selesai dimandikan, dikafarkan dan disembahyangkan, hendaklah jenazah tadi di hantar ke kubur dengan segera untuk dikebumikan, di mana keranda jenazah itu dipikul pada empat penjuru. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud RA :-

مَنِ اتَّبَعَ جَنَازَةً فَلَيَحْمِلْ بِجَوَانِبِ السَّرِيرِ كُلُّهَا فَإِنَّهُ مِنَ السُّنَّةِ

(رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهْ)

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Ertinya: "Sesiapa menghantar jenazah (mengiringi) hendaklah memikul pada keempat penjuru keranda, kerana sesungguhnya cara yang begitu adalah dari Sunnah Nabi SAW".(Riwayat Ibn Majah).

Berdasarkan hadith ini, jelas bahawa cara penghantaran jenazah ke kubur yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ialah dengan dipikul. Walau bagaimanapun jenazah boleh ditarik atau ditolak dengan kereta sebagaimana yang pernah dilakukan pada zaman sekarang.

Menghantar jenazah ke kubur dengan dipikul di atas bahu adalah sebagai penghormatan kepada jenazah itu dan perbuatan seperti ini adalah sunat.

Menghantar jenazah ke kubur adalah satu amal kebajikan dan termasuk dalam amalan-amalan yang sunat yang mana jenazah tadi semasa dibawa ke kubur sunat didahulukan kepalanya.

Dalam Mazhab Shafie adalah afdal atau lebih baik orang yang menghantar jenazah ke kubur itu, berjalan di hadapan jenazah (dahulu) dari jenazah. Ini adalah berdasarkan hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan dari Ibnu Umar :-

اَنَّهُ رَأَى النَّبِيًّا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبَابَكْرٍ وَعُمَرَ يَمْشُؤْنَ أَمَّامَ الْجَنَازَةِ
(زَوَاهُ أَحْمَدُ)

Ertinya: "Sesungguhnya Ibnu Umar telah melihat Nabi SAW berserta Saidina Abu Bakar dan Saidina Umar berjalan di hadapan jenazah." (Riwayat Imam Ahmad).

Tetapi dalam Mazhab Hanafi, adalah afdal atau lebih baik orang yang menghantar jenazah ke kubur itu berjalan di belakang (kemudian) daripada jenazah. Ini adalah berdasarkan hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Saidina Ali RA.

Sabdanya :-

الْمُشْيُ خَلْفَ الْجَنَازَةِ أَفْضَلُ كَفَضْلِ صَلَاةِ الْجَمَاعَةِ عَلَى صَلَاةِ الْفَرِيْضَةِ
(إِسْنَادُ حَسَنٍ)

Ertinya: "Berjalan di belakang jenazah (kemudian dari jenazah) adalah lebih afdal sebagaimana sembahyang berjemaah lebih afdal dari sembahyang seorang diri." (Isnad Hassan).

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Mengebumikan

Setelah selesai jenazah itu dimandikan, dikafarkan, disembahyangkan dan telah dibawa pula ke tanah perkuburan untuk dikebumikan (dikuburkan) maka hendaklah jenazah tadi ditanamkan dalam lubang lahad. Sekurang-kurangnya dalam kubur itu adalah sekadar tidak tercium bau busuk jenazah itu keluar dan tidak mungkin dibongkar oleh binatang-binatang kerana tujuan mengkebumikan jenazah itu ialah untuk menjaga kehormatan jenazah tersebut dan menjaga kesihatan mereka yang ada di sekitar perkuburan itu.

Lubang Kubur

Lubang kubur itu disunatkan memakai lubang lahad; iaitu digali di bawah kubur sebelah kiblat sekadar termuat jenazah. Kemudian ditutup dengan papan dan sebagainya. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Amir bin Saad, katanya:

الْحَدُّوْلُ إِلَيْ لَهْدًا وَأَصِبُّوْا عَلَيْ الْلِّهَنَ نَصْبًا كَمَا فُعِلَ بِرَسُوْلِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

(زَوَاهُ ابْنِ مَاجَهْ)

Ertinya: "Buatkan olehmu lubang lahad untukku dan pasanglah di atasku batu, sebagaimana dibuat pada kubur Rasulullah SAW". (Riwayat Ibnu Majah)

Ini ialah jika tanah perkuburan itu keras. Sebaliknya kalau tanah perkuburan tadi lembut dan mudah runtuh seperti tanah bercampur pasir, maka lebih baik kuburan itu dibuat lubang tengah iaitu lubang kecil di tengah-tengah kubur sekadar termuat jenazah kemudian ditutup dengan papan dan sebagainya.

Lubang kubur itu jangan terlalu sempit dan jangan pula terlalu lebar (sederhana) sekadar termuat jenazah dan di dalamnya ialah lebih kurang empat setengah hasta.

Cara-Cara Mengebumikan

1. Apabila sampai jenazah ke kubur, hendaklah diletakkan kepala jenazah itu di arah kaki kubur.
2. Diangkat jenazah itu ke dalam liang lahad atau lubang tengah perlahan-lahan (lemah lembut) dan bercermat.
3. Miringkan jenazah itu ke sebelah kanan dan dihadapkan mukanya ke arah kiblat. Mereka yang tidak menghadapkan muka jenazah ke arah kiblat di masa menanamnya (di dalam kubur) bererti mereka itu telah melakukan dosa besar.
4. Jika jenazah itu perempuan ketika memasukkannya ke kubur, hendaklah ditutup di atasnya dengan kain dan sebagainya. Sabda Rasulullah SAW :-

PANDUAN
PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

عَنْ أَهْلِ الْكُوفَةِ : أَنَّ عَلَيَّ ابْنَ أَبِي طَالِبٍ أَتَاهُمْ وَهُمْ يَدْفَنُونَ مَيِّنَا وَقَدْ بَسَطَ الثَّوْبَ - عَلَى
قَبْرِهِ فَجَدَبَ الثَّوْبَ مِنَ الْقُبْرِ وَقَالَ إِنَّمَا يُصْنَعُ هَذَا إِلَيْنَا
(أَخْرَجَهُ البَيْهَقِيُّ)

Ertinya: "Diriwayatkan dari ahli Kufah: Sesungguhnya 'Ali bin Abi Talib telah datang kepada mereka, sewaktu mereka sedang menguburkan jenazah dan telah dibentangkan kain di atas kubur, maka beliau mengambil kain itu dari kubur, seraya berkata: Sesungguhnya tutup ini hanya dilakukan kepada jenazah perempuan."

5. Ketika mengangkat jenazah ke dalam kubur disunatkan membaca :-

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى مَلَةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

6. Hendaklah dimasukkan jenazah itu ke kubur dari arah kaki kubur dengan mendahulukan kepalanya: Sabda Rasulullah SAW :-

أَوْصَى الْحَارِثُ أَنْ يُصْلَى عَلَيْهِ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يَزِيدَ فَصَلَى عَلَيْهِ ثُمَّ أَذْخَلَهُ الْقُبْرَ مِنْ قِبْلِ رِجْلِي
الْقُبْرِ وَقَالَ هَذَا مِنَ السُّنَّةِ

(رواه أبو داود)

Ertinya: Al-Harith mewasiatkan supaya jenazahnya (Al-Harith) disembahyangkan oleh Abdullah bin Yazid, kemudian dimasukkannya ke kubur dari arah kaki kubur dan berkata, cara seperti ini (memasukkan jenazah dari arah kaki kubur) adalah dari sunnah Rasulullah SAW. (Riwayat Abu Daud).

7. Buka tali ikatan yang mengikat kafan jenazah itu.
8. Bukakan kain kafan pada muka jenazah supaya mukanya mencecah ke tanah.
9. Setelah ditutup lahad jenazah itu, hendaklah dimasukkan ke dalam kuburnya tiga kepala tanah dan dibaca:

Kepala yang pertama :-

مِنْهَا خَلَقْنَاكُمْ اللَّهُمَّ لَقَنَّهُ عِنْدَ الْمَسْأَلَةِ حُجَّتَهُ

Kepala yang kedua :-

وَفِيهَا نَعِيَّدُكُمْ اللَّهُمَّ افْتَحْ أَبْوَابَ السَّمَاءِ لِرُوحِهِ

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Kepal yang ketiga :-

وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارِةً أُخْرَى اللَّهُمَّ جَافِ الْأَرْضَ عَنْ جَبَّيْهِ

10. Tutup lubang kubur itu dengan papan dan sebagainya, dan timbus dengan tanah serta tinggikan sekadar sejengkal. Sabda Rasul SAW :

أَنَّ الَّتِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَعَ قَبْرَ إِبْرَاهِيمَ اثْنَيْهِ قَدْرَ شِبْرٍ
(أَحْرَجَهُ الْبَيْهِقِيُّ)

Ertinya : "Sesungguhnya Nabi SAW telah meninggikan kubur anaknya Ibrahim sekadar sejengkal." (Riwayat Baihaqi).

11. Bahagian atas kubur yang ditinggikan sekadar sejengkal itu, jangan dilonjongkan, tetapi hendaklah didatarkan dan diratakan. Sabda Rasulullah SAW :-

عَنْ أَبِي الْهَيَاجِ عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ أَبْعِثُكَ عَلَى مَا بَعَثْتِي عَلَيْهِ الَّتِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ أَنْ لَا أَدْعَ قَبْرًا إِلَّا مُشْرِقًا إِلَّا سُوقَيْتَهُ وَلَا تَمْنَالًا إِلَّا طَمَسْتَهُ
(رواة مسلم)

Ertinya : "Diriwayatkan dari Abi Al-Hayyaj dari 'Ali RA. Katanya : Aku utus engkau sebagaimana Rasulullah SAW mengutus aku; jangan engkau biarkan kubur dilonjongkan, melainkan hendaklah didatarkan (diratakan tanah yang tinggi sekadar sejengkal di atas kubur) jangan engkau biarkan lembaga patung (anak-anak patung) melainkan hendaklah engkau hapuskan."(Riwayat Muslim).

12. Hendaklah menanda kubur dengan batu dan sebagainya (batu nisan) di sebelah kepala jenazah. Sabda Rasulullah SAW :-

عَنِ الْمُطَلِّبِ قَالَ لَمَّا مَاتَ عُثْمَانُ بْنُ مَطْلُونَ أَخْرَى بَيْنَ أَرْبَعِيْنَ فَمَرَّ الَّتِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ رَجُلًا أَنْ يَأْتِيهِ بِحَجَرٍ فَمَا يَسْتَطِعُ حَمْلُهُ فَقَامَ إِلَيْهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَحَسِنَ عَنْ ذِرَاعَيْهِ... ثُمَّ حَمَلَهَا فَوَضَعَ عَنْ دَرْأَسِهِ وَقَالَ أَتَقْلَمُ هَذَا قَبْرًا أَخْيُ وَأَدْفِنُ إِلَيْهِ مَنْ
مَاتَ مِنْ أَهْلِي
(رواة أبو ذاود)

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Ertinya : Diriwayatkan dari Muttalib bin Abdullah. Katanya : Tatkala 'Usman bin Maz'un meninggal dunia, dibawa jenazahnya keluar, lalu dikuburkan. Nabi SAW menyuruh seorang lelaki mengambil batu, tetapi lelaki itu tidak berupaya (tidak kuat membawanya). Rasulullah SAW pun bangkit (bangun sendiri) mendekati batu itu dan menyingsingkan kedua belah lengan bajunya... kemudian batu tadi dibawanya, lalu diletakkannya di sebelah kepala jenazah itu sambil bersabda; Aku memberi tanda kubur saudaraku dan aku akan menguburkan di sini sesiapa yang mati di antara ahliku. (Riwayat Abu Daud).

13. Meletakan batu kecil-kecil (batu kerikil) di atas kubur. Sabda Rasulullah SAW :-

عَنْ جَعْفَرِ بْنِ مُحَمَّدٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَضَعَ حَصْبَاءَ عَلَى قَبْرِ ابْنِهِ
إِبْرَاهِيمَ
(رواہ الشافعی)

Ertinya: "Diriwayatkan dari Jaafar bin Muhammad dari bapanya. Sesungguhnya Nabi SAW telah menyiram kubur anaknya Ibrahim." (Riwayat Al-Shafie).

14. Meletakkan pelepas-pelepas yang basah di atas kubur. Hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan dari Ibnu 'Abbas menerangkan bahawa Rasulullah SAW pernah melakukan perbuatan seperti itu ke atas kubur sahabat-sahabatnya dan pernah bersabda yang maksudnya; bahawa pelepas yang basah itu memohon ampun kepada jenazah itu selama ianya belum kering.

15. Menyiram kubur dengan air. Sabda Rasulullah SAW :-

عَنْ جَعْفَرِ بْنِ مُحَمَّدٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ رَسَّ عَلَى قَبْرِ ابْنِهِ إِبْرَاهِيمَ
(رواہ الشافعی)

Ertinya: "Diriwayatkan dari Jaafar bin Muhammad dari bapanya. Sesungguhnya Nabi SAW telah meletakkan batu-batu kecil di atas kubur anaknya Ibrahim." (Riwayat Al-Shafie).

16. Setelah selesai jenazah dikebumikan, hendaklah dibacakan talkin bagi jenazah yang sudah baligh (dewasa).
17. Orang yang membaca talkin itu hendaklah ia duduk atau berdiri pada muka jenazah dengan membelakangkan kiblat dan orang yang hadir berdiri mendoakan jenazah memohon kepada Allah supaya diampunkan dosanya.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Jika jenazah itu lelaki doanya :-

اللَّهُمَّ لِقِنْتُهُ حُجَّتَهُ، اللَّهُمَّ تَبَّأْتُهُ عَلَى الْحَقِّ، اللَّهُمَّ اغْفِرْلَهُ وَارْحَمْهُ

Jika jenazah itu perempuan doanya :-

اللَّهُمَّ لِقِنْتُهَا حُجَّتَهَا، اللَّهُمَّ تَبَّأْتُهَا عَلَى الْحَقِّ، اللَّهُمَّ اغْفِرْلَهَا وَارْحَمْهَا

Sabda Rasulullah SAW :-

عَنْ عُثْمَانَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا فَرَغَ مِنْ دَفْنِ الْمَيِّتِ وَقَدِمَ :
إِسْتَغْفِرُوا لِأَخِيهِمْ وَاسْأَلُوا لَهُ التَّشْيِيتَ فَإِنَّهُ الآن يُسَأَلُ

(رواه أبو ذاود)

Ertinya: Diriwayatkan dari Usman: Adalah Nabi SAW bila selesai menguburkan jenazah; Baginda berdiri lalu bersabda: "Mintakanlah olehmu ampun saudaramu, dan mintakanlah supaya ia tetap hatinya, kerana dia sekarang disoal."(Riwayat Abu Daud).

Dengan berakhirnya penyelenggaraan jenazah dengan bacaan talkin dan doa, lepaslah dan selesailah tanggungjawab orang yang hidup terhadap jenazah sebagai memenuhi tanggungjawab fardu kifayah ke atas umat Islam.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

PANDUAN PENGURUSAN PUSARA ORANG ISLAM

PENDAHULUAN

1. Manusia adalah makhluk yang dimuliakan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Allah telah memuliakan manusia sehingga memerintahkan para malaikat bersujud sebagai tanda penghormatan kepada Nabi Adam 'Alayhissalam sebaik sahaja baginda diciptakan. Firman Allah Ta'ala di dalam al-Quran, Surah Al-Isra', ayat 70:

﴿ وَلَقَدْ كَرِمَنَا بَنِي آدَمَ وَحَلَّنَاهُمْ فِي الْأَرْضِ وَرَزَقْنَاهُم مِّنْ أُطْبَىْتِ وَفَضَّلَنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّنْ خَلْقِنَا فَقَضَيْلًا ﴾

Maksudnya:

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kendaraan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan".

(Al-Isra':17:70)

2. Kemuliaan dan penghormatan kepada seseorang insan hendaklah dijaga baik semasa dia hidup atau selepas meninggal dunia. Jenazah orang Islam wajib diurus mengikut syariat yang telah ditetapkan oleh Islam termasuk dalam urusan pengebumian dan bentuk pusaranya. Setelah jenazah dikebumikan adalah menjadi tanggungjawab umat Islam yang masih hidup untuk menjaga kehormatannya. Mengebumikan jenazah orang Islam di tempat yang aman, terjamin selamat, tidak dicerobohi dan terkawal adalah suatu kefarduan yang dituntut oleh syariat Islam. Sebarang gangguan dan pencerobohan terhadap pusara orang Islam wajib dihindari. Apa sahaja bentuk penghinaan terhadap jenazah dan pusara orang Islam wajib dihindarkan agar kehormatan jenazah orang Islam itu sentiasa terpelihara.

LATAR BELAKANG

3. Terdapat pusara orang Islam di negeri ini yang tidak diselenggara secara teratur mengikut ketetapan hukum syarak dan saranan pihak berkuasa sama ada dari segi saiz binaan kepungan pusara, batu nisan, susun atur pusara dan sebagainya. Bahkan terdapat kedudukan pusara yang tidak menghadap arah kiblat dengan betul. Keadaan tersebut berlaku mungkin disebabkan tiada panduan dan peraturan yang jelas mengenainya di samping pengaruh adat setempat yang tidak diketahui sumber dan asal usulnya.
4. Di samping itu, terdapat juga binaan pusara di kawasan tanah pusara orang Islam atau tanah wakaf yang melampaui had keluasan yang sepatutnya dengan membina

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

kepungan pusara yang besar dan tinggi menggunakan bahan binaan yang mahal sehingga mendatangkan pembaziran dan menimbulkan perasaan menunjuk-nunjuk dan bermegah-megah. Pembinaan pusara yang melebihi had yang dibenarkan oleh syarak secara tidak langsung telah mengambil hak orang lain dan menyebabkan kawasan tapak persemadian semakin sempit dan tidak dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. Selain itu juga terdapat sesetengah pusara orang Islam yang tidak dijaga dan terbiar sehingga berlaku pencemaran terhadap kesucian dan kemuliaannya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

5. Justeru, kewujudan garis panduan khusus mengenai pusara orang Islam di negeri Pulau Pinang ini diharap dapat memberi impak yang positif kepada pihak-pihak berkaitan dan umat Islam di negeri ini amnya dalam menyelaras dan menyelenggara pusara orang Islam supaya pelaksanaannya menjadi lebih teratur, seragam, sistematik dan mematuhi hukum syarak. Pembinaan lot-lot pusara yang teratur dan sistematik dapat memaksimumkan penggunaan tanah yang diwakafkan atau dikhurasukan untuk pusara orang Islam di samping mencerminkan keindahan Islam itu sendiri.

SKOP GARIS PANDUAN

6. Garis panduan ini memberi penjelasan tentang peraturan-peraturan dalam pengurusan pusara orang Islam dari perspektif syarak dan syor pihak-pihak berkuasa yang berkaitan meliputi urusan pengebumian, pembinaan kepungan pusara, tanggungjawab pentadbir pusara dan keputusan-keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang berkaitan dengan garis panduan ini.
7. Garis panduan ini tidak terpakai bagi pengurusan pusara dan jenazah yang dikebumikan di Makam Masjid Negeri kerana telah wujud garis panduan khusus mengenainya.

PENGGUNAAN GARIS PANDUAN

8. Garis panduan ini adalah panduan umum yang perlu dipatuhi oleh semua Jawatankuasa Masjid dan Kariah seluruh negeri Pulau Pinang, pihak-pihak yang terlibat dalam mengurus dan menyelenggara pusara orang Islam termasuk penggali, pengusaha kepungan dan batu nisan pusara serta masyarakat Islam di negeri Pulau Pinang supaya pengurusan pusara orang Islam di negeri ini selaras dengan kehendak syarak dan pihak berkuasa yang berkaitan.

PANDUAN PENGEBUMIAN JENAZAH

9. Perkara-perkara yang perlu dipatuhi oleh orang yang terlibat dalam menguruskan pengebumian jenazah serta mereka yang mengiringi dan menghadiri upacara pengebumian jenazah orang Islam adalah seperti yang berikut:

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

(a) Sebelum pengebumian:

- i. Kematian individu telah disahkan oleh pihak berwajib (Hospital atau Polis) dengan mengeluarkan sijil mati dan kebenaran pengebumian jenazah.
- ii. Status keslaman jenazah tidak menimbulkan keraguan. Jika berlaku keraguan atau pertikaian (tuntutan) daripada pihak yang bukan Islam terhadap jenazah maka pengebumiannya hanya boleh disempurnakan setelah mendapat perintah mahkamah.
- iii. Bagi kematian individu pembawa HIV dan pesakit AIDS yang berlaku di rumah, pihak waris hendaklah memberitahu Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat dengan segera bagi tujuan penyeliaan pengurusan jenazah serta tindakan lain yang perlu diambil oleh Pejabat Kesihatan Daerah berkenaan.
- iv. Waris jenazah hendaklah menghubungi Pegawai Syarak dan Penggali Kubur kariah yang berkenaan untuk bantuan pengurusan jenazah (memandikan, mengkafarkan, menyembahyangkan dan mengebumikan) dan penyediaan liang pusara.

(b) Waktu pengebumian:

- i. Jenazah boleh dikebumikan pada bila-bila masa termasuk pada waktu malam, tetapi waktu yang terbaik ialah pada waktu siang.
- ii. Makruh mengebumikan jenazah pada waktu-waktu berikut kecuali dalam keadaan darurat:
 - a. Ketika matahari mula terbit sehingga naik dengan sempurna (lebih kurang tiga puluh minit selepas waktu syuruk).
 - b. Ketika matahari berada di pertengahan langit (lebih kurang tiga puluh minit sebelum masuk waktu Zuhur).
 - c. Ketika matahari hampir terbenam sehingga terbenam sepenuhnya (lebih kurang tiga puluh minit sebelum masuk waktu Maghrib).

(c) Menghantar jenazah ke pusara:

- i. Disunatkan orang yang mengiringi jenazah berjalan di hadapan jenazah.
- ii. Disunatkan membawa jenazah ke kubur dengan cara diusung, walaupun bagaimanapun harus menggunakan kenderaan.
- iii. Disunatkan mendahuluikan kepala jenazah ketika mengusungnya ke tempat pengebumian.
- iv. Lelaki disunatkan mengiringi jenazah ke pusara manakala bagi wanita hukumnya makruh kecuali waris terdekat kepada jenazah berkenaan. Namun begitu, wajiblah menutup aurat dengan sempurna dan tidak berhias yang boleh mengundang fitnah.
- v. Wanita hendaklah berada jauh sedikit dari pusara semasa pengebumian jenazah dilaksanakan.
- vi. Disunatkan berdiri sebelum jenazah diletakkan di atas tanah.

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

(d) Semasa pengebumian jenazah:

- i. Disunatkan meletak jenazah di tepi lubang pusara arah kiblat sebelum diturunkan ke dalam liang lahad.
- ii. Disunatkan ada penghadang pandangan orang ramai dengan menggunakan kain atau seumpamanya ketika menurunkan jenazah ke dalam pusara terutama jenazah wanita.
- iii. Waris jenazah yang lelaki adalah lebih utama untuk memasukkan jenazah ke dalam liang pusara dan disunatkan dalam jumlah yang ganjil.
- iv. Ketika menurunkan jenazah ke dalam pusara sunat dimulai dengan kepalanya dari sisi sebelah kanan dan dibacakan :

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ

Maksudnya : "Dengan nama Allah dan di atas agama Rasulullah".

- v. Letakkan jenazah ke dalam liang lahad dalam keadaan mengiring di atas rusuk kanan dan wajib memastikan posisi muka dan dada jenazah menghadap ke arah kiblat.
- vi. Disunatkan membuka semua ikatan yang mengikat kain kafan jenazah.
- vii. Buka kain kafan yang menutup muka jenazah dan rapatkan pipi kanan jenazah sehingga menyentuh tanah.
- viii. Sendalkan jenazah dengan ketulan-ketulan tanah supaya tidak terbalik daripada menghadap kiblat.
- ix. Sunat diletakkan tanah sebagai bantal di kepala jenazah dan semasa mengepal tiga kepalan tanah untuk diletakkan di bahagian kepala jenazah disunatkan membaca ayat seperti yang berikut:

a. Kepalan pertama:

مِنْهَا حَلَقْتُمُ اللَّهُمَّ لَئِنَّهُ عِنْدَ الْمَسْأَلةِ حُجَّةٌ

b. Kepalan kedua:

وَفِيهَا نُعِيَّدُكُمُ اللَّهُمَّ افْتُحْ أَبْوَابَ السَّمَاءِ لِرُوحِهِ

c. Kepalan ketiga:

وَمِنْهَا نُخْرِجُكُمْ تَارِةً أُخْرَى اللَّهُمَّ جَافِ الْأَرْضَ عَنْ جَنَّبِهِ

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

- x. Disunatkan mereka yang hadir pengebumian jenazah memasukkan tiga kepalan atau genggaman tanah ke pusara sambil membaca ayat seperti di para (i) sebelum pusara ditimbus.
- xi. Tutup liang lahad dengan papan atau yang seumpamanya supaya jenazah tidak ditimpa tanah ketika ditimbus.
- xii. Timbus lubang pusara perlahan-lahan dengan tanah asal yang dikorek dan jangan ditambahi tanah lain sekiranya ia mencukupi.

(e) Selepas pengebumian:

- i. Sunat ditinggikan tanah kubur kadar satu jengkal dari permukaan tanah untuk menjadi tanda kepada para pengunjung. Tetapi meratakan permukaan pusara adalah lebih utama.
- ii. Sunat menyiram air di atas pusara selepas pengebumian bertujuan supaya tanah menjadi lebih mantap.
- iii. Sunat ditaburkan batu-batu kecil di atas pusara.
- iv. Sunat meletakkan batu nisan pada pusara sebagai tanda.
- v. Sunat diletakkan pelepah atau ranting tumbuh-tumbuhan yang masih hijau di atas pusara dengan harapan ia akan memohonkan keampunan bagi jenazah.
- vi. Sunat dibacakan talkin di sisi pusara bagi jenazah yang mukallaf selepas dikebumikan sebagai ingatan kepada sekalian yang hadir dan memohon keampunan serta rahmat Allah untuk jenazah.
- vii. Sunat menunggu sehingga jenazah selesai dikebumikan.
- viii. Jenazah orang Islam yang meninggal dunia kerana membunuh diri juga wajib dikebumikan di kawasan pusara orang Islam.

(f) Pengebumian Jenazah Dalam Peti Atau Keranda:

- i. Makruh mengebumikan jenazah dalam peti atau keranda kecuali keuzuran yang dibenarkan syarak seperti tanah perkuburan lembut atau berair, keadaan jasad jenazah yang rosak atau reput, jenazah wanita yang tiada mahram atau takut dibongkar oleh binatang buas.
- ii. Jenazah yang dikebumikan dalam keranda juga hendaklah diletakkan dalam posisi mengiring di atas rusuk kanan serta wajib memastikan muka dan dada jenazah menghadap ke arah kiblat sebelum diturunkan ke dalam pusara. Buka semua ikatan kain kafan dan diletakkan tanah di pipi kanan, belakang tengkuk, bahu dan dua lutut bagi mengelakkan jenazah daripada terlentang. Rapat dan sentuhkan pipi kanan jenazah dengan tanah yang dimasukkan ke dalam keranda.

PANDUAN
PENGURUSAN JENAZAH
DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

(g) Pengebumian Beberapa Jenazah Dalam Satu Liang:

- i. Tidak harus mengebumikan dua jenazah di dalam satu liang pusara sama ada kedua-duanya lelaki atau bercampur antara lelaki dengan perempuan walaupun mahramnya kecuali kerana darurat atau keperluan yang mendesak seperti kawasan pusara terlalu sempit, banyak jenazah yang perlu dikebumikan dalam satu masa dan sebagainya.
- ii. Sekiranya pengebumian seumpama itu perlu dilaksanakan, maka kedudukan jenazah dalam liang pusara hendaklah disusun mengikut keutamaan iaitu jenazah yang lebih utama menjadi imam atau yang lebih tua diletakkan paling hadapan menghadap ke arah kiblat, jenazah lelaki didahului daripada perempuan dan seterusnya menurut keutamaan sebagaimana dalam susunan saf solat berjemaah. Disunatkan setiap jenazah dipisahkan dengan dinding daripada tanah.

LARANGAN BERKAITAN PENGEBUMIAN JENAZAH

10. Terdapat amalan-amalan yang ditegah atau tidak digalakkan di sisi syarak dilakukan oleh orang Islam sama ada sebelum, semasa atau selepas upacara pengebumian jenazah dilaksanakan iaitu:
 - (a) Meratapi jenazah seperti menangis sambil mengeluarkan kata-kata, mengeluh, menjerit, berteriak, meraung dan sebagainya.
 - (b) Membawa jambangan bunga dan seumpamanya bersama-sama jenazah.
 - (c) Meletakkan kalungan bunga di pusara.
 - (d) Menyelubungkan jenazah atau keranda jenazah dengan kain yang tertulis ayat al-Quran sehingga menjelaskan kesuciannya.
 - (e) Membalut batu nisan dengan kain berwarna putih atau sebarang warna.
 - (f) Memacakkan payung di atas pusara.
 - (g) Menciumkan jenazah dengan gumpalan tanah sebelum ditimbus.
 - (h) Melaungkan azan ketika jenazah diturunkan atau dibawa keluar dari rumah untuk dikebumikan.
 - (i) Menetapkan hari dan bilangan hari yang tertentu untuk membaca al-Quran dan tahlil di atas pusara.
 - (j) Menetapkan bilangan langkah untuk membaca al-Fatihah ketika mengusung jenazah.
 - (k) Menyedekahkan atau membelanjakan harta si mati kepada orang ramai sebelum dibuat pengiraan pusaka (faraid).
 - (l) Meletakkan hamparan atau bantal di dalam pusara.
 - (m) Mengadakan majlis bacaan maulid dan seumpamanya di pusara.
 - (n) Memasang lampu atau pelita di atas pusara kecuali untuk urusan pengebumian dan pemasangan lampu jalan di laluan utama.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

- (o) Menggali atau memindahkan jenazah yang telah dikebumikan tanpa sebarang keuzuran yang dibenarkan oleh syarak.
- (p) Membina pusara dalam bangunan masjid.
- (q) Melakukan sebarang amalan atau perbuatan yang bertentangan dengan hukum syarak.

PENENTUAN ARAH KIBLAT BAGI PUSARA ORANG ISLAM

11. Bagi memastikan orientasi pusara orang Islam adalah bertepatan dengan arah kiblat, maka langkah-langkah berikut hendaklah diberikan perhatian oleh para pentadbir pusara:
 - (a) Pengukuran arah kiblat boleh dilaksanakan dengan kaedah moden atau tradisional. Bagi memastikan arah kiblat diukur dengan tepat, pengukuran boleh dilaksanakan menggunakan kaedah yang berikut:
 - i. Berpandukan kedudukan garisan lintang (latitud) dan garisan bujur (longitud) tempatan yang mempunyai daftar rujukan yang disahkan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.
 - ii. Menggunakan bantuan peralatan moden seperti teodolit kompas prismatic yang diperakui.
 - iii. Berdasarkan kedudukan bayang matahari semasa peristiwa istiwa' a'zam pada 28 Mei atau 16 Julai setiap tahun.
 - (b) Semua kawasan pusara orang Islam disyorkan supaya disediakan tanda arah kiblat untuk dijadikan panduan kepada petugas ketika melaksanakan kerja-kerja penggalian pusara.

SPESIFIKASI UKURAN LOT PUSARA ORANG ISLAM

12. Spesifikasi ukuran lot pusara orang Islam hendaklah berada dalam lingkungan yang dibenarkan oleh syarak dan peraturan yang ditetapkan demi memelihara kemaslahatan umum dan mewujudkan keselarasan iaitu:
 - (a) Had minimum kedalaman liang pusara adalah yang dapat mengelakkan keluar bau dan mencegah binatang buas daripada membongkarnya supaya kehormatan jenazah dapat dipelihara.
 - (b) Ukuran kedalaman liang pusara yang sempurna ialah sekadar tinggi berdiri lelaki dewasa dan ditambah lagi sehasta (lebih kurang 6-7 kaki) manakala panjangnya ialah mengikut ukuran panjang jenazah dan lebarnya ialah setengah ukuran panjangnya. Sunat diperluaskan lubang pusara untuk pengebumian jenazah.
 - (c) Disunatkan membuat liang lahad dalam pusara. Liang lahad yang digali di sisi dasar lubang pusara (arah kiblat) adalah lebih afdal daripada liang lahad yang digali di dasar bahagian tengah pusara seperti parit sekiranya tanah di kawasan

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

pusara itu dari jenis yang keras. Bagaimanapun, jika tanah jenis lembut seperti tanah bercampur pasir maka liang lahad di tengah lebih utama kerana ditakuti runtuh. Contoh jenis liang lahad adalah seperti **Rajah 1** di **Lampiran C**.

- (d) Ukuran lot pusara jenazah orang Islam dewasa dan kanak-kanak yang disyorkan adalah menurut piawaian Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD). Keluasan setiap lot pusara meliputi lubang dan penutup pusara serta ruang pejalan kaki adalah seperti dalam **Jadual 1** di bawah dan **Rajah 2** di **Lampiran D**.

Jadual 1: Ukuran Lot Pusara Jenazah Orang Islam

Kategori Jenazah	Keluasan Lot Pusara	Keluasan Liang Pusara	Kedalaman Liang Pusara	Saiz Penutup Pusara	Ruang Pejalan Kaki
Lelaki dan Wanita Dewasa	2.5m x 3m (8 x 10 kaki)	1.0m x 2.0m (3 x 7 kaki)	1.0m x 2.0m (3 - 7 kaki)	1.5m x 2.5m (5 x 8 kaki)	0.5m (2 kaki)
Kanak-kanak	1.5m x 2.5m (5 x 8 kaki)	0.8m x 1.5m (2.6 x 5 kaki)			

- (e) Susun atur tanah pusara orang Islam yang disyorkan adalah mengikut sistem modul JPBD yang mengandungi dua barisan pusara iaitu setiap baris mempunyai 20 unit pusara seperti dalam **Rajah 3** di **Lampiran E**.

ADAB TERHADAP PUSARA ORANG ISLAM

13. Islam mengajar umatnya agar memelihara adab dalam amal perbuatan termasuk semasa berada di kawasan pusara sebagai tanda penghormatan terhadap jenazah orang Islam yang telah disemadikan. Antara adab yang perlu diketahui dan diamalkan oleh mereka yang memasuki kawasan pusara orang Islam sama ada penggali, petugas atau penziarah pusara dan sebagainya adalah seperti yang berikut:

- Menziarahi pusara dengan niat untuk mendapatkan pengajaran dan mengingati kematian kerana Allah Subhanahu Wa Ta'ala.
- Disunatkan menziarahi pusara pada bila-bila masa, namun waktu yang afdal bermula dari waktu Asar hari Khamis hingga terbit matahari hari Sabtu.
- Wajib berpakaian menutup aurat.
- Disunatkan dalam keadaan berwuduk.
- Disunatkan memberi salam secara umum kepada semua ahli pusara semasa masuk ke dalam kawasan pusara dan seterusnya berdoa semoga mereka beroleh rahmat dan kesejahteraan seperti berikut:

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

السلام عليكم أهل التبار من المؤمنين والملسين وآتى إنشاء الله للاجئون أسأل الله لنا ولكل العافية

Maksudnya : "Salam sejahtera ke atas kalian wahai penduduk negeri kaum mukminin dan muslimin. Sesungguhnya kami insyaAllah akan menyusul kalian. Aku bermohon kepada Allah bagi kami dan bagi kamu juga akan mendapat keselamatan". (Hadis Riwayat Muslim).

- (f) Memberi salam secara khusus kepada ahli pusara yang diziarahi dalam keadaan berdiri rapat di tepi pusaranya dan menghadap ke arah muka jenazah serta membelakangkan kiblat.
- (g) Disunatkan membaca ayat-ayat suci al-Quran dan menghadiahkan pahalanya kepada si mati.
- (h) Selepas membaca ayat-ayat suci al-Quran, disunatkan menghadap ke arah kiblat dan berdoa untuk arwah semoga Allah mengampuni dosanya serta melimpahkan rahmat kepadanya kerana doa yang didahului bacaan al-Quran lebih diharap akan makbulnya.
- (i) Digalakkan menyebut kebaikan arwah dan bukan keburukannya.
- (j) Wanita tidak digalakkan (makruh) menziarahi pusara, malah haram jika mendatangkan fitnah.
- (k) Pelawat bukan Islam dibenarkan menziarahi pusara orang Islam tetapi hendaklah menjaga tatasusila dan berpakaian sopan.

LARANGAN DI KAWASAN PUSARA

- 14. Semua pihak sama ada petugas, penggali atau penziarah pusara dan selainnya hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan dan **DILARANG** melakukan perkara-perkara seperti berikut di dalam kawasan pusara orang Islam :
 - (a) Menghisap rokok.
 - (b) Berbual-bual kosong, bercakap atau ketawa dengan kuat dan bersuka ria ketika berada di dalam kawasan pusara.
 - (c) Melakukan sesuatu perbuatan yang bertujuan untuk mengagungkan jenazah atau mengambil berkat daripadanya seperti mencium dan mengucup pusara.
 - (d) Membuat apa juar binaan seperti lantai, kubah, atap dan sebagainya dalam kawasan pusara yang diwakafkan atau tanah *musabbalah* kecuali kepungan pusara yang dibenarkan.
 - (e) Meletakkan gambar atau sebarang tanda di atas pusara orang Islam yang menyerupai pusara bukan Islam atau jahiliah.
 - (f) Melakukan perkara-perkara khurafat, bid'ah dan syirik seperti bertawaf di sekeliling pusara, memuja, meminta hajat dan sebagainya.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

- (g) Memijak, melangkah, duduk, bersandar dan seumpamanya terhadap pusara.
- (h) Menabur bunga atau wangian secara berlebih-lebihan sehingga mendatangkan pembaziran.
- (i) Meletak kalungan bunga di atas pusara kerana menyerupai kaum Nasrani.
- (j) Memasang khemah, memacak payung dan seumpamanya di atas pusara dengan tujuan melindungi atau memberi manfaat kepada jenazah.
- (k) Memasang lampu atau pelita di atas pusara dengan tujuan memulia atau mengagungkannya.
- (l) Membalut kain berwarna putih atau sebarang warna pada batu nisan.
- (m) Membuat kenduri atau jamuan di pusara.
- (n) Memainkan alat muzik atau bunyian di kawasan pusara.
- (o) Solat di atas pusara kecuali solat jenazah.
- (p) Membina tandas, longkang, tempat membakar sampah dan seumpamanya di kawasan pusara.
- (q) Melakukan sebarang amalan atau perbuatan yang bertentangan dengan hukum syarak.

TANGGUNGJAWAB PENTADBIR PUSARA ORANG ISLAM

15. Pihak yang bertanggungjawab mentadbir, mengurus dan mengelola kawasan tanah pusara orang Islam hendaklah memastikan perkara-perkara berikut diberi perhatian:
- (a) Semua tanah yang diwakafkan atau tanah musabbalah untuk pusara orang Islam hendaklah dipindah milik atas nama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang selaku pemegang amanah.
 - (b) Tanah yang telah diwakafkan oleh pihak kerajaan atau orang perseorangan untuk pusara orang Islam hendaklah diukur dan dipastikan batu sempadannya berdasarkan pelan tanah sebelum digunakan untuk pengebumian.
 - (c) Pembinaan pagar di seluruh kawasan pusara dan kerja-kerja pembersihan secara berkala hendaklah dilaksanakan bagi menjaga kesucian dan kehormatan kawasan pusara dan mengelakkan daripada pencerobohan.
 - (d) Penentuan lot-lot pusara dan laluan yang seperlunya untuk membawa jenazah serta laluan pejalan kaki dalam kawasan pusara hendaklah dikenal pasti berdasarkan sistem modul yang disyorkan oleh JPBD.
 - (e) Tanah yang diwakafkan bagi maksud pusara orang Islam tidak boleh digunakan bagi sebarang tujuan selain daripada mengebumikan jenazah. Bagaimanapun, sekiranya ada pihak yang berhasrat menggunakan tanah itu untuk tujuan lain, maka wajiblah mendapatkan kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan membayar sewa untuk dibelanjakan bagi maslahah kawasan tanah pusara itu.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

- (f) Jika tanah wakaf diambil balik oleh Pihak Berkuasa Negeri kerana apa jua sebab, maka wajiblah dibayar pampasan baginya. Wang pampasan tersebut hendaklah terletak hak dan dibayar kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang supaya diganti dengan tanah lain sebagai mengekalkan wakaf serta menunaikan kehendak pihak yang berwakaf (istibdal).
- (g) Papan tanda arah dan peringatan mengenai adab serta peraturan di kawasan pusara yang mudah dibaca dan difahami perlu diletakkan di lokasi bersesuaian di kawasan pusara. Contoh papan tanda seperti di **Lampiran G**.

PEMBONGKARAN DAN PEMINDAHAN PUSARA ORANG ISLAM

- 16. Membongkar, menggali semula atau memindahkan pusara orang Islam adalah haram melainkan dalam keadaan darurat atas sebab-sebab yang diperakui oleh hukum syarak iaitu apabila jenazah yang dikebumikan didapati:
 - (a) dikebumikan di tanah perkuburan orang bukan Islam;
 - (b) tidak dimandikan atau ditayammumkan;
 - (c) tidak menghadap ke arah kiblat;
 - (d) tidak dikafarkan atau dikafarkan dengan kain yang dimiliki secara tidak sah;
 - (e) dikebumikan bersama dengan harta orang lain atau hartanya yang boleh dipusakai dan harta tersebut dituntut oleh empunya;
 - (f) dikebumikan di tanah kepunyaan orang lain tanpa izin;
 - (g) dikebumikan di tanah yang dikhuatiri susut atau terhakis seperti di tebing sungai atau lereng bukit;
 - (h) dikebumikan di tanah yang akan dimajukan oleh pihak berkuasa untuk maslahat umum seperti membuat jalan raya;
 - (i) dikebumikan di tanah lumpur yang digenangi air banjir atau terkena bencana;
 - (j) jenazah wanita yang menghamillkan janin berusia enam bulan ke atas di dalam perutnya dan diharapkan masih hidup;
 - (k) perlu dijadikan bahan kes dalam mahkamah bagi kemaslahatan umum; atau
 - (l) keuzuran lain yang dibenarkan oleh syarak.
- 17. Pembongkaran dan pemindahan pusara hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, ahli waris (jika ada) dan pihak berkuasa yang berkaitan.
- 18. Pusara orang Islam yang telah lama dan perlu dibongkar semula untuk ditanam jenazah yang lain atau dipindahkan kerana wujud keperluan mendesak untuk kemaslahatan umum, boleh dilaksanakan dengan syarat usia pusara telah melebihi 60 tahun kerana diyakini jenazah telah hancur dan menjadi tanah. Namun begitu, ia perlu mendapatkan kebenaran daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, ahli waris (jika ada) dan pihak berkuasa yang berkaitan. Tulang mayat yang dijumpai haram dipecahkan bahkan wajib dikumpul dan ditanam kembali di kawasan pusara yang telah dikenal pasti.

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

FATWA-FATWA BERKAITAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM

16. Berikut adalah beberapa keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang berkaitan dengan jenazah dan pusara orang Islam:

(a) Cadangan Melaksanakan Pembangunan Di Atas Tanah Pusara Orang Islam

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 yang bersidang pada 1-3 Februari 2008 telah memutuskan bahawa:

Hukum melaksanakan pembangunan di atas tanah-tanah perkuburan Islam yang telah tidak digunakan untuk mengebumikan mayat adalah diharuskan oleh Islam dengan syarat pembangunan yang hendak dilaksanakan tidak bertentangan dengan syariat Islam dan mayat-mayat di Tanah Perkuburan tersebut hendaklah terlebih dahulu dipindahkan ke tapak perkuburan Islam yang lain secara terhormat.

(b) Mengguna Semula Tanah Pusara Orang Islam

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004 telah memutuskan bahawa:

- i. Adalah harus menggali semula tanah perkuburan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak atau darurat dengan sebab-sebab tertentu yang diharuskan oleh syarak; dan
- ii. Adalah harus menggali semula tanah perkuburan setelah dikenalpasti mayat itu telah reput oleh pihak berkuasa untuk digunakan bagi mengebumikan mayat yang baru.

(c) Jenazah Disimpan Lama Atau Dikorek Semula Untuk Dijadikan Sebagai Bahan Kes Dalam Mahkamah

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-49 yang bersidang pada 19 September 2000 telah memutuskan bahawa:

- i. *Pengebumian mayat hendaklah disegerakan. Perbuatan sengaja melambat-lambatkan pengebumian adalah haram.*
- ii. *Pihak yang bertanggungjawab menjalankan siasatan dalam kes kematian hendaklah menyegerakan siasatannya. Tindakan melambat-lambatkan siasatan sehingga menyebabkan mayat lambat dikebumikan adalah juga haram.*
- iii. *Menyimpan atau mengorek semula mayat untuk dijadikan bahan kes dalam mahkamah bagi kemaslahatan umum adalah harus.*

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

(d) Pemindahan Jenazah

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 Ogos 1984 telah memutuskan bahawa:

Pemindahan mayat dari satu negeri ke satu negeri yang lain adalah harus sekiranya keadaan memerlukan (darurat) tetapi mestilah dipastikan si mati dipindahkan dalam keadaan yang baik dan sempurna.

(e) Pengebumian Jenazah Dalam Peti Yang Tertutup

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 September 1984 telah memutuskan bahawa:

Pengebumian mayat dalam peti yang tertutup harus dilakukan dengan syarat muka si mati dibuka dan tubuhnya dihadapkan ke arah kiblat.

(f) Bedah Siasat Jenazah

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-8 yang bersidang pada 24-25 September 1984 telah memutuskan bahawa:

Pembedahan mayat orang Islam hanya boleh dilakukan jika keadaan benar-benar memerlukan (darurat) sahaja seperti terlibat di dalam kes-kes jenayah yang sangat memerlukan post mortem atau si mati tertelan benda yang berharga atau si mati yang sedang mengandung sedangkan kandungannya masih hidup.

(g) Pembinaan Pusara Secara Bertingkat

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-92 yang bersidang pada 15-17 Disember 2010 telah memutuskan bahawa:

- i. *Dalam keadaan darurat di mana berlakunya kepadatan penduduk dan lokasi tanah perkuburan yang terhad, pembinaan kubur secara bertingkat merupakan konsep dan kaedah yang tidak bertentangan dengan syarak.*
- ii. *Sehubungan itu, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa berdasarkan prinsip hukum Islam, pembinaan kubur secara bertingkat adalah harus dilaksanakan sekiranya keperluan amat mendesak bagi mengatasi kekurangan tanah perkuburan orang Islam pada hari ini.*
- iii. *Walau bagaimanapun, kajian terhadap modul-modul pelaksanaannya perlu diteliti dengan lebih menyeluruh dengan mengambil contoh di beberapa buah negara luar yang telah melaksanakannya serta mengambilkira penjimatan kos.*

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

PENUTUP

Allah Subhanahu Wa Ta'ala telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik kejadian dan memuliakan sekalian anak-anak Adam. Oleh itu, penghormatan ke atas setiap insan hendaklah dijaga baik semasa dia hidup atau selepas meninggal dunia lebih-lebih lagi bagi seorang muslim. Jenazah orang Islam wajib diurus mengikut kaedah yang telah disyariatkan oleh Islam termasuk dalam urusan pengebumian dan bentuk pusaranya. Semua pihak yang berkaitan dan seluruh masyarakat Islam di negeri ini digesa agar merujuk kepada garis panduan ini sebagai parameter dalam pengurusan pusara orang Islam ke arah mewujudkan kawasan pusara orang Islam yang teratur, seragam, sistematik dan mematuhi kehendak hukum syarak dan pihak-pihak yang berwajib.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

TALQIN SEPARAH KATA DARI PENYUSUN

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ نَصَرَهُ وَوَلَاهُ.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah yang menghidupkan manusia dan mematikannya, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW Sayyidul Anaam. Muslimin dan muslimat.

Hingga ke hari ini, masih lagi ada pihak-pihak yang mempertikaikan tentang talqin, bahkan ada pihak lain dengan suara lantang menghukum talqin sebagai bidaah kononnya tidak dilakukan di zaman Rasulullah, sesat dan menyesatkan. Justeru itu, terdapat segelintir manusia yang terpengaruh dan mereka tidak mengamalkan bacaan talqin bahkan berani pula menghukum orang yang baca talqin sebagai melakukan bidaah dholalah.

Untuk menghilangkan keraguan, dinyatakan bahawa sebenarnya banyak terdapat dalil-dalil yang mengharuskan bacaan talqin, di antaranya:

1. Ulama mazhab Syafie dan ulama mazhab-mazhab yang lainnya memfatwakan bahawa talqin ke atas jenazah yang baru dikebumikan hukumnya adalah harus bahkan sunat. Mereka berhujah dengan berpandukan kepada beberapa hadis di antaranya ialah hadis Abu Umamah, hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abi Daud daripada Uthman ibnu Affan telah berkata ia: “*Sesungguhnya adalah Rasulullah SAW apabila selesai mengkebumikan jenazah, baginda berdiri di atas kubur itu seraya berkata, pohonkanlah keampunan untuk saudara kamu ini, dan pindah supaya Allah menetapkan pendiriannya dalam iman dan Islam kerana sesungguhnya sekarang ini dia sedang disoal.*” (lihat Sunan Abu Daud, juzuk 2, muka surat 215).

Para ulama mengatakan maksud hadith ini ialah memberi faham kepada si mati dan mengajarnya bagaimana hendak menjawab soalan munkar dan nakir di samping memohon keampunan untuknya. Maka, inilah yang dikatakan talqin yang kita amalkan pada hari ini.

2. Sheikh al-Imam an-Nawawi di dalam kitabnya al-Adzkar menjelaskan, talqin ke atas mayat baru dikebumikan telah disepakati oleh kebanyakan para ulama besar mengatakan bahawa hukumnya adalah harus dan digalakkkan.

Seterusnya Imam Nawawi menjelaskan telah difatwakan oleh Sheikh Imam Abu

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

Umar bin Solah di dalam kitab fatwanya: "*Membaca talqin ke atas mayat yang baru dikebumikan adalah amalan kami dan itulah yang kami pilih.*" (lihat Kitab al-Adzkar Muntaqabah min Kalam Sayyid Abrar lil Imam al-Hafiz Sheikhul Islam Muhyiddin Abi Zakaria bin Syarif an-Nawawi, muka surat 148).

3. Sheikh Sayyid Bakri bin Sayyid Muhammad Syatul Dimyathi al-Misri di dalam kitabnya menerangkan secara jelas bentuk talqin yang diajar oleh Rasulullah SAW melalui hadis yang diriwayatkan oleh Tabrani dan dikehendaki supaya dibaca ke atas mayat yang baru dikebumikan. (lihat Kitab *Ia'anah at-Thalibin* oleh Sheikh Sayyid al-Bakri bin Sayyid Muhammad Syatul Dimyathi al-Misri, juzuk 2, muka surat 140).
4. Perbahasan mengenai talqin dan senarai ulama besar yang mengharuskannya telah dijelaskan secara terperinci oleh Kyai Haji Sirajuddin Abbas dalam bukunya "40 Masalah Agama", siri 4, muka surat 66 dan seterusnya.
5. Banyak lagi dalil-dalil yang mengharuskan talqin, Cuma tidak terdaya untuk dimuatkan di dalam ruangan yang terhad ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana ada pihak yang mengharuskannya dan ada pula segelintir yang tidak mengharuskannya maka perkara seperti ini termasuk ke dalam erti kata khilafiyat (perbezaan pendapat ulama di dalam sesuatu perkara berpandukan nas-nas). Oleh itu, tidak seharusnya kita menolak bulat-bulat bahkan adalah tidak wajar satu pihak menyalahkan pihak yang lain semata-mata kerana perbezaan pendapat, lebih buruk lagi kalau menghukum pihak yang lain itu sebagai melakukan bidaah, maka sebab itu berwaspadalah kita sebelum menghukum orang lain bersalah. Sekian. Wassalam.

Salam hormat dari penyusun.

السلامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سُبْحَانَ مَنْ تَعَزَّزَ بِالْقُدْرَةِ وَالْبَقَاءُ وَفَهَرَ الْعِبَادُ بِالْمَوْتِ وَالْفَنَاءِ لِيَبْلُوْكُمْ أَيْكُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً وَأَنَّ
سَعْيُكُمْ سَوْفَ يُرَىٰ . كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهُهُ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ . كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ
وَإِنَّمَا تُؤْفَقُونَ أَجْوَرُكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ رُحْزَ عَنِ التَّارِ وَأَدْخَلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ إِلَّا دُنْيَا
إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

Maha Suci Allah Yang Maha Kuasa lagi kekal tanpa kesudahan. Maka Suci Allah yang telah menentukan manusia seluruhnya terpaksa menempuh kematian supaya dapat dijawab dan diujinya siapakah di antara manusia yang telah mengerjakan amal soleh dan membuat kebajikan. Maka, segala amal bakti dan hasil dari pekerjaan mereka itu semuanya akan dapat dilihat satu-persatunya pada hari yang ditetapkan Tuhan.

Setiap yang bernyawa pasti merasai mati, segala sesuatu yang lain daripada Allah SWT tetap akan rosak dan binasa, kerana Allah yang mengatur segala-galanya dan kepada Allahlah kita semua akan dikembalikan. Maka, berbahagialah sesiapa juga yang terselamat dan terlepas daripada azab api neraka dan seterusnya mendapat balasan nikmat yang berkekalan di dalam syurga. Adapun nikmat dan keseronokkan hidup di dunia semuanya hanya untuk sementara waktu sahaja.

Allah SWT menjadikan kita semuanya daripada tanah, maka ke dalam tanah kita akan dimasukkan dan daripada tanah juga kita akan dikeluarkan semula. Allah menghidupkan kita supaya menanggung amanah dan menjalankan kewajipan sebagai hamba Allah selama kita hidup di dunia. Kemudian dimatikan dan dimasukkan kita ke dalam tanah untuk menjadi mangsa dan makanan ulat-ulat serta cacing-cacing yang tidak mengenal siapa kita, yang tidak teragak-agak untuk membaham dan memamah jasad kita sehingga berkecai dan hancur segala urat dan daging tanpa meninggalkan sebarang sisa, hinggaalah Allah SWT perintahkan malaikat Israfil meniup sangkakala. Maka, dihidupkan kita semula dengan serentak untuk dibawa kita ke hadapan mahkamah qadhi Rabbul Jalil. Di sanalah segala amalan dan pekerjaan

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

kita semasa hidup di dunia akan diperiksa, buruk dan baik semuanya akan dibicarakan untuk dihukum dengan pembalasan yan setimpal atau diberi ganjaran dengan adil dan saksama.

Demi sesungguhnya dengan nama Allah Yang Maha Agung, sifat dan zat yang tidak ada bandingnya, dengan nama Rasul-Nya yang mulia dan di atas agama Islam yang Maha Suci, apa yang akan disebutkan di sini adalah perkara-perkara yang benar belaka yang telah dijanjikan oleh Allah SWT, dan amatlah benar segala rasul-rasul-Nya yang telah menyampaikan janji itu.

Wahai (saudara/saudariku)...bin/binti...atau...(ibnun/bintun) umat Allah (3 kali). Semoga Allah kurniakan kasihan belas ke atas saudara/saudari, ketahuilah bahawa segala nikmat dan keseronokkan dunia telah hilang daripada saudara/saudari sekarang, saudara/saudari telah masuk ke sempadan akhirat dan tinggal di sini sehingga hari kiamat. Wahai saudara/saudari janganlah sekali-kali saudara/saudari lupakan pengakuan dan perjanjian kita semasa hidup di dunia iaitu perkataan: Aku naik saksi bahawa tidak ada Tuhan yang sebenar-benarnya melainkan Allah dan aku naik saksi bahawa Muhammad itu pesuruh Allah.

Apabila datang dua malaikat yang ditugaskan untuk memeriksa saudara/saudari dengan perintah Allah, janganlah saudara/saudari gentar dan takut, kerana mereka juga makhluk Allah sama seperti saudara/saudari.

Mereka akan bertanya siapakah Tuhan yang saudara/saudari sembah? Siapakah Nabi saudara/saudari? Apakah i'tiqad dan kepercayaan saudara/saudari? Dan atas agama apakah yang saudara/saudari hidup dan mati.

Katakanlah kepada mereka, Allah Tuhanku yang sebenar-benarnya, bila ditanya lagi, jawablah Allah Tuhanku yang sebenar-benarnya, bila ditanya lagi bagi kali ketiga iaitu yang terakhir, maka jawablah dengan lidah yang lancar tanpa takut dan gentar. Allah Tuhanku, Muhammad Rasulullah Nabiku, Islam adalah agamaku, al-Quran sebagai pedoman dan ikutan-ku, Baitullah adalah kiblatku, sembahyang adalah kewajipanku, sekalian orang Islam adalah saudara-saudaraku, Ibrahim al-Khalil adalah bapa agamaku, hidup dan matiku adalah atas perkataan: "La ilaha illa Allah, Muhammadur Rasulullah", ingat dan peganglah bersungguh-sungguh kenyataan dan pesananku ini, ketahuilah bahawa saudara/saudari akan berada di alam barzakh ini hingga hari kiamat, tiada siapa yang akan dapat menolong dan membantu saudara/saudari.

Sekiranya ditanya saudara/saudari mengenai Muhammad maka katakanlah bahawa Muhammad itu adalah pesuruh dan utusan Allah yang telah menyampaikan kepada kami

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

segala keterangan dan bukti-bukti tentang kewujudan dan kekuasaan Allah maka kami telah beriman menurut ajarannya.

Maka sekiranya telah selesai semua soalan yang diajukan, berserahlah diri saudara/saudari kepada Allah Yang Maha Esa yang memiliki arasy Yang Maha Besar.

Ketahuilah wahai saudara/saudari, bahawa sesungguhnya mati itu adalah benar, memasukkan ke liang kubur juga benar, soalan munkar dan nakir di dalam kubur juga adalah benar, dibangkitkan semula manusia untuk diperiksa segala amalannya juga adalah benar.

Melalui titian siratulmustaqim, balasan nikmat syurga dan seksa api neraka semuanya adalah benar belaka dan tetap akan berlaku dan bahawasanya hari kiamat tetap akan tiba tanpa syak dan ragu-ragu lagi, maka Allah akan menghidupkan semula sekalian manusia.
Wahai saudara/saudari,

Selamat tinggal buat selama-lamanya dan kini kami serahkan saudara/saudari kepada Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang semoga dicucurinya rahmat dan keampunan ke atas saudara/saudari.

Ya Allah Yang Maha Agung,

Ya Allah Yang Maha Berkuasa,

Ya Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Kurniakanlah limpah rahmat-Mu kepada saudara/saudari kami hamba-Mu ini, ampunkanlah dosa dan kesalahnya dan ampunkanlah juga dosa dan kesalahan kami wahai Tuhan sekalian alam.

Wahai saudara/saudari,

Ingatlah pesananku yang terakhir, bahawasanya Allah adalah Tuhan kita, Islam satu-satunya agama kita dan Muhammad SAW itu nabi kita, kepada Allah kami berharap supaya memberi perlindungan kepada saudara/saudari, mengampuni dosa dan kesalahan saudara/saudari, serta memberi ganjaran di atas segala amalan dan kebajikan yang telah saudara/saudari lakukan .

Amin.

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

Ya Allah Yang Maha Lemah Lembut, Ya Allah Yang Maha Mendengar, terimalah rayuan hamba-Mu yang lemah ini, kami merayu dengan perasaan yang sedih dan hati yang penuh pengharapan serta berkat kemuliaan Rasul-Mu Muhammad SAW bahawa tidaklah kiranya mayat saudara/saudari kami ini diseksa dan diazabkan.

اللَّهُمَّ يَا أَنِيْسُ كُلُّ وَحِيْدٍ، وَبِكَ حَاضِرًا لَّيْسَ بِعَيْدٍ أَنِسٌ وَحْدَتَنَا وَوَحْدَتُهُ، (وَوَحْدَتِهَا)، وَأَرْحَمْ عَرْبَتَنَا وَعَرْبَتُهُ، (وَغَرِبَتِهَا) وَلَقَنَهُ حُجَّةُهُ (جَهَّةُهَا) وَلَا تَفْتَنَنَا بَعْدَهُ (بَعْدِهَا) وَاعْفُنَا وَلَهُ، يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ .

نستودعك الله

نستودعك الله

نستودعك الله

أفضل الذكر فاعلم أنه

لا إله إلا الله

لا إله إلا الله (100 كالي)

لا إله إلا الله محمد رسول الله صلى الله عليه وسلم كلمة الحق، عليها نحي وعليها نموت وبها
نبث إن شاء الله تعالى من الأمين الأمين.

الفاتحة.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ○ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ○ مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ ○ إِلَيْكَ نَعْبُدُ وَإِلَيْكَ نَسْتَعِيْنُ ○
اهدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيْمَ ○ صِرَاطَ الَّذِيْنَ أَنْعَمْتَ عَلَيْنَا غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْنَا وَلَا الصَّالِيْنَ ○

تلقين

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سُبْحَانَ مَنْ تَعَزَّزَ بِالْقُدْرَةِ وَالْبَقَاءُ وَقَهَرَ الْعِبَادَ بِالْمَوْتِ وَالْقَنَاءُ لَيَنْلُوكُمْ أَئِكُمْ أَحْسَنُ عَمَلاً
وَأَنَّ سَعْيَكُمْ سَوْفَ يُرَىٰ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهُهُ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ كُلُّ
قُصْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُؤْفَنَ أَجْوَرَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَمَنْ رُحْزَ عَنِ التَّارِيْخِ وَأُدْخَلَ
الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ

مها سوچي الله يع لها کواس لاکي ککل تنشا کسوداهن. منها سوچي الله يع تله مغاتورکن
ماءنسی سلوروهن ترقسا منمقوه کماتین سوقای دافت دچوبا دان دأوجین سیافاکه دأنتارا
ماءنسی يع تله معرجاکن عمل صالح دان مبوات کباجيقن، مک سکالا درما بقتي دان
حاصليل دري عملن مریک سموان اکن دافت دليهت ساتو ڤرساتو ڦد هاري يع دتفشكن
توهن.ستياف يع بريدوا فسيتي اکن مراس ماتي. سکالا سسواتو يع لاءين درقد الله تعالى تتف
اکن روست دان بیناس، کران الله يع مغاتور سکالا-کالان دان کفڈ الله جواله اکن کمبالي
سکالين کيت، مک بربهاکيله سیافا جوک يع ترسلامت دان ترلسنس درقد عذاب افي نراك
دان ستروسن منداشت انوکرهن نعمت يع برکكلن ددام شرك. سکالا نعمت دان کسدفن
يع برجورق کدنياءن هان اوونتوق سمتارا وقتو جوا

مِنْهَا حَلَقْنَاكُمْ وَفِيهَا نُعِيَّدُكُمْ وَمِنْهَا تُخْرِجُكُمْ ثَارَةً أُخْرَىٰ، مِنْهَا حَلَقْنَاكُمْ لِلأَجْرِ وَالثَّوَابِ وَفِيهَا
نُعِيَّدُكُمْ لِلَّدُودِ وَالثُّرَابِ وَمِنْهَا تُخْرِجُكُمْ لِلْعَرْضِ وَالْحِسَابِ

الله منجاديکن کامو سکالين درقد تانه، کدام تانه ٿولا کامو اکن دماسوچکن،

دان درقد تانه جوک کامو اکن دکلواکن سموا، الله منجادیکن کامو منغکوڠ
امانه دان منجالنکن کواجیشن سلما کامو هیدوف ددانيا، کمودین دماسوکن
کامو کدامن تانه او نتوق منجادی مغسا دان ماکنن اولت سرت چاچیع یع تیدق
مغلن کامو سیاقا دان یع تیدق تراکق-اکنک اتاو بر تیمقوه لاکی مباهمن دان ممامه
کامو سهیعک بر کچای دان هنجور لبور سکالا اورت دان داکیع کامو تنقا
منیعکل سبارغ سیسا. هیعکاله الله فرینتهکن ملائكة إسرافیل منیوق سعکاكالا.
مك دهیدوڤکن کامو سموا دعن سرنتق دان سماس او نتوق دباوا کهادفن محکمه
قاضی رب الجلیل عز وجل دساناله سکالا عمالن دان فکرجاءن کامو دفریقسما
بوروق دان باعیقث سموا دیچاراکن او نتوق دحکوم دعن قمبالسن یع ستیمقل
اتاو دبیری کنجرن دعن عادیل دان سقسما.

بِسْمِ اللَّهِ وَبِاللَّهِ وَمِنَ اللَّهِ وَإِلَيْهِ وَعَلَى مَلَأِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَذَا
وَعْدَ الرَّحْمَنِ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ، إِنْ كَانَتِ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَدِينَاهُ
مُحْضَرُونَ، يَا أَيُّهَا أُمَّةُ اللَّهِ يَا أَيُّهَا أُمَّةُ اللَّهِ، يَرْحَمُكَ اللَّهُ، ذَهَبَتْ عَنْكَ الدُّنْيَا وَزِيَّنَتْهَا
وَصِرْتَ الآنِ فِي بَرَزَحٍ مِنْ بَرَازِحِ الْآخِرَةِ فَلَا تَنْسَعِ الْعَهْدَ الَّذِي فَارَقْتَنَا عَلَيْهِ فِي
ذَارِ الدُّنْيَا وَقَدِيمْتَ بِهِ إِلَى ذَارِ الْآخِرَةِ وَهِيَ شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً
رَسُولُ اللَّهِ

اکو برسومقه دعن نام الله یع مها بسر، دعن نام رسولن یع مليا دان دؤتس اکام
إسلام یع مها سوچی، اف یع اکن دسبوتکن این اداله فرکار ۲۱ یع تله دجنجیکن

اوليه الله سبحانه وتعالى دان امته بنر سکالا رسولن^۲ يع تله مېمېايکن جنجي
ایت.

واهای ساودارا ... این امة الله، واهای ساودارا کو امة الله، سموک الله کورنياکن
کاسیهん بلسن کأتس ساودارا کتاھوئیله بهاوا سکالا نعمت دان کسدن دنیا تله
ھيلع درقد ساودارا سکارغ، ساودارا تله ماسوق کدام سمقادن اخیره دان تیعکل
دسيين سهیعک هاري قيامة واهای ساودارا کو جاغنله سکالي ۲ ساودارا کو لوفاکن
قشاکوان دان ۋرجنجىن كيت دنديا ياءيت ۋركاتان ئاشهد ان لا إله الله وأشهد ان
محمد ر رسول الله اکو ناعيق سقسى بهاوا تيادا توھن يع لايق دسمبه ملاعېنکن الله
دان اکو ناعيق سقسى بهاوا محمد ايت رسول الله.

فَإِذَا جَاءَكَ الْمَلَكُانِ الْمُوْكَلَانِ بِكَ وَبِأَمْثَالِكَ مِنْ أُمَّةٍ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَا يُرِجِّعُكَ وَلَا يُرِعِّبُكَ ... وَأَعْلَمُ أَنَّهُمَا خُلُقٌ مِنْ خُلُقِ اللَّهِ كَمَا أَنَّتُ خُلُقٌ مِنْ خُلُقِهِ ... وَإِذَا أَتَيْتَكَ وَسَلَّاكَ وَقَالَ لَكَ مَنْ زَبَّكَ وَمَنْ نَيْلَكَ وَمَا اعْتَقَدْتَكَ وَمَا الَّذِي عَشْتَ وَمُتْ عَلَيْهِ فَقُلْ لَهُمَا، اللَّهُ رَبِّيْ حَقًّا وَإِذَا سَأَلَكَ الثَّانِيَةَ، فَقُلْ لَهُمَا، اللَّهُ رَبِّيْ حَقًّا ... وَإِذَا سَأَلَكَ الثَّالِثَةَ وَهِيَ الْخَاتِمَةُ الْحُسْنِيَّ فَقُلْ لَهُمَا بِلِسَانٍ طَلِيقٍ بِلَا حَوْفٍ وَلَا فَزْعٍ، اللَّهُ رَبِّيْ وَمُحَمَّدُ نَبِيْ، وَالإِسْلَامُ دِيْنِيْ وَالْقُرْآنُ إِمَامِيْ، وَالْكَعْبَةُ قِبْلَيْ، وَالصَّلَاةُ فَرِصْتِيْ، وَالْمُسْلِمُونَ إِخْوَانِيْ وَإِبْرَاهِيمُ الْخَلِيلُ أَبِيْ، وَأَنَا عَشْتُ وَمُتْ عَلَى

PANDUAN
PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

قَوْلٌ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ... تَمَسَّكَ يَا أخِي بِهَذِهِ الْحُجَّةِ وَاعْلَمَ أَنَّكَ
مُقِيمٌ بِهَذَا الْبَرْزَحِ إِلَى يَوْمٍ يَعْتَنُونَ

اُفَابِلًا دَاتُّعْ دُوا مَلائِكَةِ يَعْ دُتوْكَسْكَنْ مُرِيقْسَا سَاوَدَارَا دَعْنْ فَرِينَتَهُ اللَّهُ، جَاعِنَلَهُ
سَاوَدَارَا كَنْتَرَ دَانْ تَاكُوتْ، كَرَانْ مَرِيكْ جَوْكَ مَخْلُوقُ اللَّهُ سَقْرَتِي سَاوَدَارَا

مَرِيكَ اَكَنْ بَرْتَانْ سِيَاْفَكَهُ تَوهَنْ يَعْ سَاوَدَارَا سَبِيهِ؟

سِيَاْفَكَهُ نَبِيِّ سَاوَدَارَا؟ اَفَاَكَهُ اَعْتَقَادُ دَانْ كَفْرَچَايَاءُنْ سَادَارَا؟

دَانْ دَأْتَسْ اَكَامْ اَفَاَكَهُ سَاوَدَارَا هِيدُوفْ دَانْ مَاتِيِّ؟

كَاتَاتَكَنَلَهُ كَفَدَ مَرِيكَ، اللَّهُ تَوهَنَكُو يَعْ سَبِيرَ ۲. بِيَلا دَتَانَ لَاكَنِي، جَوابَلَهُ جَوْكَ، اللَّهُ
تَوهَنَكُو يَعْ سَبِيرَ ۲ بِيَلا دَتَانَ لَاكَنِي بَاكَنِي كَالِي يَعْ كَتِيَّكَ يَاءِيتَ يَعْ تَراخِيرَ مَكَ
جَوابَلَهُ دَعْنَ لِيَدَهُ يَعْ لَنْجَرَ تَنْقَا تَاكُوتْ دَانْ كَنْتَرَ كَفَدَ مَرِيكَ، اللَّهُ تَوهَنَكُو، مُحَمَّدَ
رَسُولُ اللَّهِ نَبِيِّكُو، إِسْلَامَ اَكَاماَكُو، الْقُرْآنَ قَدُومَنْ دَانْ اِيَكُوتِكُو، بَيْتُ اللَّهِ قَبْلَتِكُو،
سَبِيعَشُّ كَوَاجِيَنِكُو. سَكَالِينَ اُورُغْ إِسْلَامَ اَدَالَهُ سَاوَدَارَا ۲كُو، إِبْرَاهِيمَ الْخَلِيلَ بَافَ قَدَ
اَكَاماَكُو هِيدُوفْ دَانْ مَاتِيِّكُو اَدَالَهُ دَأْتَسْ فَرِكَاتَاءُنَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدَ رَسُولُ اللَّهِ
اِيَغَتَ دَانْ فَكَّغَلَهُ بَرْسُوْغَكَوَهَ ۲ كَپَاتَاءُنَ دَانْ قَسْنِنِكُو اِينْ سَلَمَاَنَ کَتَاهُوْيَلَهُ بَهَاوا
سَاوَدَارَا اَكَنْ بَرَادَ دَعَالَمَ بَرْزَخَ سَبِيعَكَ هَارِي قِيَامَةَ كَلْقَ

فَإِذَا قِيلَ لَكَ مَا تَقُولُ فِي هَذَا الرَّجُلِ الَّذِي يُبَثَ فِيْكُمْ وَفِيْكُمْ وَفِيْكُمْ وَفِيْكُمْ فَقُلْ

هُوَ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَاءَنَا بِالْبَيِّنَاتِ مِنْ رَبِّهِ فَاتَّعْنَاهُ وَأَمَّنَاهُ
وَصَدَّقْنَاهُ بِرِسَالَتِهِ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكِّلْتُ وَهُوَ رَبُّ
الْعَرْشِ الْعَظِيمِ

سکیران دたん ساودارا دری حال محمد مک کاتاکنه بهاوا محمد ایت اداله ֆسوروه
الله دان او تو سنت يع تله مپامقی肯 کقد کامي سکالا کتراغن ۲ دان تند ۲ درشد
الله مک کامي تله برایمان دان منوروت اجرنن. ستله سلسایی چمریقسائن بر سره له
دیری ساودارا کقد الله مها يع مها اسا يع میلیقی عرش يع مها بسر

وَاعْلَمْ يَا أَخِي أَنَّ الْمُؤْتَ حَقٌّ وَأَنَّ تُرْوَلَ الْقَبْرُ حَقٌّ، وَأَنَّ سُؤَالَ مُنْكَرٍ وَنَكِيرٍ فِيهِ حَقٌّ ،
وَأَنَّ الْبَعْثَ حَقٌّ، وَأَنَّ الْحِسَابَ حَقٌّ وَأَنَّ الْمِيزَانَ حَقٌّ وَأَنَّ الصِّرَاطَ حَقٌّ، وَأَنَّ
الْجَنَّةَ حَقٌّ، وَأَنَّ النَّارَ حَقٌّ ، وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيهِ لَا رَيْبَ فِيهَا وَأَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَنْ فِي
الْقُبُوْرِ . وَسَتُؤْدَعُكَ اللَّهُ بَثَتَكَ اللَّهُ بِالْقُوْلِ الثَّابِتِ، بَثَتَكَ اللَّهُ بِالْقُوْلِ الثَّابِتِ .
بَثَتَكَ اللَّهُ بِالْقُوْلِ الثَّابِتِ يَبْتَثُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ، يَا
أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَةُ، إِرْجِعِي إِلَى رَبِّكَ رَاضِيَّهُ مَرْضِيَّهُ، فَادْخُلِي فِي عَبَادِي وَادْخُلِي

جَنَّتِي

كتاهو عليه واهای ساودارا، بهاوا سان ماتی ایت بنر ماسوکن کلیاغ قبور ایت

PANDUAN PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

بنر، سوالن منکر دان نکیر ددالم قبور ایت بنر، دبعکیتکن ماءنسی اونتوق دفریقسا
عملنث اداله بنر، ملالوئی تیتین مستقیم، بالسن نعمت شرک دان فمبالسن سیقسا
نراک سمواں بنر بلاک دان تتف برلاکوں ...

مک الله اکن معھیدو فکن سمولا سکالین ماءنسی

واهای ساودارا،

سلامت تیشكکل بوات سلما ۲ ن دان کامی سرهکنله ساودارا کفڈ الله يع مها ڦغاسیه
لاکی مها ڦیاچو سموک دچوچورین رحمة دان کامقوون کؤتس سودارا.

يا الله يع مها بسر،

يا الله يع مها کواس،

يا الله يع مها ڦغاسیه لاکی مها ڦیاچو،

کورنياکنله لي منه رحمنو کفڈ ساودارا کامی همبامو اين امقوونکنله دوسا دان
کسالهن دان امقوونکنله دوسا دان کسالهن کامی يا توہن سکالین عالم.

واهای ساودارا،

يغتلہ ڦساننکو يع تراخیر بهاوسان الله توہن کيت، إسلام ساتو ۲ ن اکام کيت
دان محمد صلی الله عليه وسلم رسول الله نبی کيت. کفڈ الله کامی برهارف

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

مُبَرِّيْ قُرْلِينْدُوْغُنْ كَفَدْ سَاوَدَارَا، مُعْمَقُونِيْ دُوْسَا دَانْ كَسْلَاهْنَمُو سَرْتْ مُنْرِيْما
سَكَالَا عَمَلْنَ كَبَاجِيْقِنْ يَعْ تَلَهْ سَاوَدَارَا تُونَايِكَنْ، اَمِينْ.

يَا اللَّهُ يَعْ مَهَا لَهْ مَلْبُوتْ، يَا اللَّهُ يَعْ مَهَا مَنْدَعْرَ،

تَرِيْمالَهْ رَايْوَانْ هَمْبَامُو يَعْ لَهْ اَيْنْ،

كَامِي مَرَايُو دَعْنَ قَرَاسَاءَنْ يَعْ سَدِيهْ دَانْ هَاتِي يَعْ قَنُوهْ قَشَهَارْفَنْ سَرْتْ بَرْكَة
كَمُولِيْءَنْ رَسُولْ مُو بَهَاوَا تِيدَقَلَهْ كَيْرَانْ جَنَازَةَ سَاوَدَارَا كَامِي اَيْنْ دَسِيقَسَا دَانْ
دَعْذَابَكَنْ.

اللَّهُمَّ يَا أَنِيْسَ كُلُّ وَحِيْدٍ

وَيَا حَاضِرًا لَيْسَ بِعَيْدٍ

أَنِيْسَ وَحْدَتَنَا وَوَحْدَتَهُ،

وَأَرْحَمْ عَزِيزَنَا وَعَزِيزَتَهُ،

وَلِيْنَهُ حُجَّتَهُ

وَلَا تَقْنِيْنَا بَعْدَهُ

وَأَغْفِرْلَنَا وَلَهُ،

يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ،

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

سَتُؤْدِعُكَ اللَّهُ،

سَتُؤْدِعُكَ اللَّهُ،

سَتُؤْدِعُكَ اللَّهُ،

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

GLOSARI

- Bid'ah :** Dari segi bahasa bermaksud mengadakan sesuatu yang tidak pernah wujud sebelumnya. Sementara dari segi istilah ialah mengadakan sesuatu yang tidak ada sebarang sandaran dari sudut syariat sama ada dari al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qias serta tidak termasuk di bawah kaedah-kaedah fiqah dan prinsip-prinsip umum yang terdapat dalam Islam atau dengan perkataan lain mengadakan sesuatu yang bercanggah dan bertentangan terus dengan Islam.
- Istibdal :** Menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain yang sama atau lebih tinggi nilainya sama ada melalui gantian, tukaran, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut hukum syarak.
- Istiwa' A'zam :** Fenomena kedudukan matahari berada tepat berada di atas Kaabah iaitu pada 28 Mei dan 16 Julai setiap tahun.
- JPBD:** Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.
- Khurafat :** Semua cerita atau rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang daripada ajaran Islam. Khurafat juga merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut atau dusta.
- Liang lahad :** Ruang yang digali di sisi dasar lubang pusara (arah kiblat) sekadar boleh memuatkan sekujur tubuh jenazah.
- Mukallaf :** Orang yang telah mencukupi syarat untuk diberikan taklif bagi mematuhi hukum syarak. Syarat-syarat mukallaf ialah telah sampai umur (baligh), memiliki akal yang waras, sampai dakwah kepadanya dan sempurna pancaindera khususnya penglihatan atau pendengaran.
- Musabbalah :** Kawasan tanah pusara orang Islam yang tidak diketahui siapa yang mensabikannya, tetapi penduduk di situ sejak zaman berzaman menanam jenazah keluarga mereka di situ, maka hukumnya seperti tanah wakaf juga, iaitu perkuburan itu tidak boleh digali atau dibongkar atau dialih ke tempat lain kecuali darurat atau berbahaya.

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

Parameter : Garis-garis yang menentukan atau menandakan keluasan atau batasan sesuatu.

Syuruk : Waktu terbit matahari.

Teodolit : Salah satu alat ukur tanah yang digunakan untuk menentukan tinggi tanah dengan sudut mendatar dan sudut tegak.

Wakaf *irsad* : Wakaf daripada tanah Baitulmal, tanah kerajaan atau tanah mana-mana perbadanan, institusi, pertubuhan atau badan-badan lain menurut hukum syarak.

PANDUAN PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM MENURUT SYARAK

BIBLIOGRAFI

- Al-Qur'an Al-Karim.
- Abdullah Abu Bakar. 1997. *Pembangunan Di atas Kawasan Kubur*. Kertas Kerja Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu. 15 Ogos.
- Abdul Rahman Al-Jazal'iri. Jil. 1. 1986. *Al-Fiqh 'Ala al-Madhabib al-Arba'ah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abdul Razzaq Abdul Rahman As-Asa'diy. 2010. *Pemahaman Bid'ah Dalam Syariat Islam*. http://www.muftiwp.gov.my/v1/doc/Pemahaman_Bid'ah.pdf [14 Ogos 2013].
- Ahmad Mahir Danial. 2009. *Pengurusan Dan Pentadbiran Tanah Wakaf Di Negeri Kelantan*. <http://lmahir-al-hujjah.blogspot.com/2009/06/pengurusan-dan-pentadbiran-tanah-wakaf.html> [23 Februari 2013].
- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) Dan Peraturan-Peraturan.
- *Al-Asas Fi As-Sunnah Wa Fiqhuha*. Jil. 3. 1995. Al-Qahirah: Dar as-Salam.
- *Al-Bayhaqi. t.t. Sunan al-Kubra*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- As-Sadiq Bin 'Abd Rahman Al-Gharyani, *Ahkam Al-Mayyit Wa 'Adaat Al-Maatim*. Bab Pemberitahan Kubur Dengan Meletakkan Batu atau Sebarang Tanda, Jil. 3 no. 6535.
- Asy Syaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. 1994. *Nail al-Autar*. Jil. 4. Beirut: Dar ai-Fikr.
- 'Atiyah Saqr. t.t. *Al-Fatawa Min Ahsan At-Kalam Fi Al-Fatawa Wa Al-Ahkam*. Maktabah Wahbah.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999.
- <http://www.e-fatwa.gov.my>
- <http://www.ejenazah.com/my/sop/>
- <http://www.epusara.jawi.gov.my>
- http://www.islamweb.net/hadith/display_hbook.php?bk_no=173&pid=42676&hid=1541
- Ibn Majah, Muhammad bin Yazid ai-Qazwini. t.t. *Sunan Ibn Majah Tahqiq*. Muhammad Fuad Abd. Al-Baqi. Al-Qahirah: Isa al-Babi al-Halabi.
- Ibnu Manzur. 1997. *Lisan Al-'Arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. 1993. *Matla' al-Badrain*. Kuala Lumpur.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. 2012. *Panduan Pengurusan Pengebumian Jenazah*.
- Nawawi bin Hasan. 2009. *Kaifiyat Menguruskan Jenazah*. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sahraf. t.t. *ai-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*. Jil. 5. Al-Qahirah: Matba'ah al-'Alamiyyah.
- al-Nawawi, Yahya bin Syaraf. 1414H. *Syarh Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Khair.



PANDUAN
PENGURUSAN JENAZAH DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

- Jabatan Mufti Negeri Perak. t.t. *Siri Bimbingan Ibadah: Hukum Menziarahi Qubur Dan Adab-Adabnya*.
- Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia (Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan). 2012. *Garis Panduan Perancangan Tanah Perkuburan Islam Dan Krematoria*.
- Kanun Tanah Negara 1965.
- Muslim bin al-Hajjaj. 1955/1374. *Sahih Muslim*, Tahqiq Muhammad Fuad Abd al-Baqi. Al-Qahirah: Isa al-Baba al-Halabi.
- Pekeliling Jabatan Mufti Johor. JMJ.01/03/7/(39). 2004. *Panduan Perkuburan Orang-Orang Islam Negeri Johor*.
- Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 8/1999.
- Sa'aduddin Mus'ad Hilali, *Ahkam Dafn Al-Mauta Wa Ahkam Quburihim*.
- Salleh bin Ismail. 2003. *Pengurusan Ke Atas Kubur-Kubur Lama Orang Islam*. Kertas Kerja Mesyuarat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. 26 Januari.
- Siti Mashitoh Mahamood. 2006. *Perundangan Wakaf Dan Isu-Isu Berbangkit*. Kertas Kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan. Anjuran JAWHAR. Kuala Lumpur, 12- 14 September.
- *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*. 2000. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Udah bin Mohsin. 2011. *Perkuburan Islam Menurut Perspektif Syarak* .
<http://www.jais.gov.my/rnd/2012/januari/PerkuburanperspektifSyarak.pdf> [21 Mei 2013].
- Wahbah Al-Zuhaili. 1999. *Fiqh Dan Perundangan Islam*. Jil. 2. Terj. Syed Ahmad Syed Hussain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

LAMPIRAN C





RAJAH 1 : JENIS LIANG LAHAD



PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

LAMPIRAN D

RAJAH 2 : UKURAN LOT PUSARA ORANG ISLAM


Lot Kubur	 <p>Lot kubur (2.5m x 3m)</p> <p>Ukuran minimum : 2.5m x 3.0m (8kaki x 10kaki)</p>
Liang Kubur	 <p>Liang kubur (1m x 2m)</p> <p>Liang kubur berukuran minimum 1.0m x 2.0m (3kaki x 7kaki)</p>
Penutup Kubur	 <p>Penutup kubur (1.5m x 2.5m)</p> <p>Kubur perlu ditutup dengan penutup bersaiz minimum 1.5m x 2.5m (5kaki x 8kaki)</p>
Kedalaman Liang Kubur	 <p>Nisan</p> <p>Aras Tanah</p> <p>6 - 7 kaki</p> <p>Jenazah</p>

PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK


LAMPIRAN E

**RAJAH 3 : SUSUN ATUR PUSARA ORANG ISLAM MENGIKUT SISTEM MODUL
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA**

(A) MODUL TAPAK PUSARA DEWASA



(B) MODUL TAPAK PUSARA KANAK-KANAK



PANDUAN
PENGURUSAN **JENAZAH** DAN PUSARA ORANG ISLAM
MENURUT SYARAK

LAMPIRAN G

**CONTOH PAPAN TANDA ARAH KIBLAT DI KAWASAN PUSARA
ORANG ISLAM**

